

R
PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

**PEMIKIRAN ISLAH DALAM MAJALAH
AL-IKHWAN, 1926-1931**

OLEH

**SITI AISYAH BINTI MAT SAAD
(AEA030380)**

**LATIHAN ILMIAH INI UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA DAN
SAINS SOSIAL**

**JABATAN SEJARAH
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2005/2006**

Perpustakaan Universiti Malaya



A512594857

SINGKATAN PERKATAAN

S. A.W- Salla' Allah 'Alaihi Wasallam

S.W.T- Subhanah Wa ta'ala

R.A- Radiallah hu'anha

Bil - Bilangan

Dr. - Doktor

Ed. - Editor, Edit

Hlm.- Halaman

T.t - Tanpa Tahun

Terj.- Terjemahan

Dlm.- Dalam

S.P- Surat Persendirian

Ibn.- Ibnu

No.- Nombor

Ibid.- Ibidem: iaitu rujukan berturut

Vol.- volume

Pn.- Puan

En.- Encik

SENARAI CARTA

CARTA 1: SALASILAH KELUARGA SYED SHEIKH AI-HADI

LAMPIRAN 2: RAKYAT KELUARGA

LAMPIRAN 4: SYED SHEIKH AL-HADI DAN SIBANG PEMBAGANG 47
SERI

LAMPIRAN 5: RAKYAT KELUARGA SYED SHEIKH AL-HADI

LAMPIRAN 6: MULIAH AH BIHAWAT

LAMPIRAN 7: SYAKIKAT BELLONG PUSP

LAMPIRAN 8: KRISTAYA STADA BERSAMA BERSAMA BERSAMA BERSAMA
YANG TELAH DIPERINTAS YANG TELAH DIPERINTAS YANG TELAH DIPERINTAS

LAMPIRAN 9: WANITA PERTAMA MINNADII DOCTOR

LAMPIRAN 10: SIBANG WANITA

LAMPIRAN 11: HABIBAH ALVAR

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN 1: SYED SYEIKH AL-HADI

LAMPIRAN 2: SYED SYEIKH AL-HADI

LAMPIRAN 3: RAJA ALI KELANA

LAMPIRAN 4: SYED SYEIKH AL-HADI DAN SIDANG PENGARANG *AL-IKHWAN.*

LAMPIRAN 5: KARYA-KARYA SYED SHEIKH AL-HADI

LAMPIRAN 6: MAJALAH AL-IKHWAN

LAMPIRAN 7: SYARIKAT JELUTONG PRESS

LAMPIRAN 8: MUSTAFA KEMAL BERSAMA DENGAN WANITA TURKI YANG TELAH DIEMANSIPASIKAN

LAMPIRAN 9: WANITA PERTAMA MENJADI DOKTOR

LAMPIRAN 10: HULUBALANG WANITA

LAMPIRAN 11: HALIDE EDIB ADIVAR

KANDUNGAN

	Halaman
SINGKATAN	i
SENARAI CARTA	ii
SENARAI LAMPIRAN	iii
PENGHARGAAN	iv-v
KANDUNGAN	vi-viii
BAB PENGENALAN	1-8
Persoalan Kajian	1
Skop Kajian	1
Objektif Kajian	4
Kepentingan Kajian	5
Kaedah Kajian	8
BAB 1: PERKEMBANGAN AKHBAR DAN MAJALAH	9-19
Pengenalan	9
Majalah dan Akhbar Alam Melayu	10
Sejarah Majalah <i>Al-Ikhwan</i>	15
Kesimpulan	18
BAB 2: ISLAH DAN MASYARAKAT MELAYU	20-41
Pengenalan	20
Islaḥ dan Pembahagiannya	22
Islaḥ dan Modernisme	24

Masyarakat Melayu Abad Ke-20	25
Sejarah Gerakan Islah di Tanah Melayu	28
Aktiviti Islah di Tanah Melayu	34
Reaksi Islah Oleh Masyarakat	37
Kesimpulan	40
BAB 3: SYED SYEIKH AL-HADI DAN MAJALAH AL-IKHWAN	42-60
Pengenalan	42
Sejarah Hidup Syed Syeikh Al-Hadi	43
Pengaruh dan Pemikiran Syed Sheikh Al-hadi	49
Perubahan Masyarakat Melalui <i>Al-Ikhwan</i>	54
Sumbangan Melalui Majalah <i>Al-Ikhwan</i>	57
Kesimpulan	59
Bab 4: ISLAH DAN EMANSIPASI WANITA	61-74
Pengenalan	61
Emansipasi wanita	62
Emansipasi Wanita Dalam <i>Al-Ikhwan</i>	67
Kesimpulan	74
Bab 5: ISLAH DAN PENENTANGAN BIDAAH	75-86
Pengenalan	75
Jenis-jenis Bidaah	76

Pembahagian Bidaah	77
Sebab Penentangan Bidaah	78
Faktor Kemunculan Bidaah	79
Penentangan Bidaah dalam Majalah <i>Al-Ikhwan</i>	81
Kesimpulan	87
KESIMPULAN	88-93
BIBLIOGRAFI	
LAMPIRAN	

PENGHARGAAN

Bismillahhirrahmanirrahim.

Dengan nama Allah yang maha pengampun lagi maha penyayang.

Syukur kehadrat Allah S.W.T, tuhan pencipta Alam. Selawat dan salam ditujukan kepada Nabi Muhammad S.A.W. yang telah memimpin manusia dari kejahilan dan kesesatan. Saya amat berterima kasih kepada orang perseorangan dan pihak-pihak tertentu yang banyak membantu dalam proses menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Pertama, penyelia saya yang juga merangkap Ketua Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Prof. Dr. Muhammad Redzuan Othman yang sudi meluangkan masa menyelia kajian saya dari mula hingga ia disiapkan. Ketelitian dan kesabaran semasa meyelia dan menyemak draf kajian amat saya hargai. Tunjuk ajar dan bimbingan beliau amat besar maknanya kepada saya.

Seterusnya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan Jabatan Sejarah yang terlibat dalam pengajaran kursus Latihan Ilmiah terutama kepada Dr. Sivachandralingam Sundara Raja, Cik Noraini Hassan, Pn. Mardiana Nordin, dan juga En. Kamal Ariffin. Tidak lupa juga kakitangan bukan mengajar di

Jabatan Sejarah yang sanggup memberikan kerjasama secara langsung mahupun tidak langsung.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada kakitangan Jabatan Muzeum Sabah, kakitangan Arkib Negara Malaysia, kakitangan Perpustakaan Utama, kakitangan Perpustakaan Zaaba dan semua pihak yang banyak membantu. Segala kerjasama dan jasa baik tidak akan saya lupakan.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada keluarga tercinta, terutama emak yang tersayang Hajah Che Nu Abd Rani, ayah yang sentiasa memberikan sokongan dan banyak membantu Haji Mat Saad Abu, kakak dan abang yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Tidak lupa juga buat rakan-rakan yang sama-sama berjuang hingga mencapai kejayaan Adilah Abu Bakar, Muliati Asyikin, Imran, Siti Asiah, dan ramai lagi. Semoga kejayaan akan terus kita nikmati.

Tanpa bantuan dan keprihatinan semua pihak tadi, saya tidak mungkin akan dapat menyelesaikan Latihan Ilmiah ini dengan berjaya. Semoga Penulisan Latihan Ilmiah ini akan memberi manfaat di dunia dan akhirat.

Siti Aisyah Mat Saad

PENGENALAN

Persoalan Kajian

Bersetujuan dengan tajuk “Pemikiran Islah dalam Majalah *Al-Ikhwan*, 1924-1931”, persoalan latihan ilmiah ini adalah untuk melihat pemikiran islah dan perubahan yang dibawa oleh para reformis Tanah Melayu melalui Majalah *Al-Ikhwan*.

Persoalan pokok kajian akan dibahagikan kepada beberapa aspek, pertama sejarah perkembangan akhbar dan majalah dan pemikiran islah di Tanah Melayu. Kedua akan melihat sumbangsih pengasas majalah *Al-Ikhwan* dan akan diperincikan dengan mengambil beberapa isu yang membawa kepada perubahan kepada masyarakat dalam majalah *Al-Ikhwan*, misalnya isu emansipasi wanita dan bidaah. Isu-isu tersebut terdapat di dalam majalah *Al-Ikhwan* dan menjadi topik yang hangat diperbincangkan.

Skop Kajian:

Kajian ini ditumpukan kepada pemikiran islah di Tanah Melayu yang dilihat melalui majalah *Al-Ikhwan*. Seperti yang kita sedia maklumi bahawa untuk memahami pemikiran dan cara hidup masyarakat lalu kita perlulah mendalamai zaman mereka. Namun untuk mendalamai zaman tersebut, kita perlu pula mengkaji suasana ketika itu. Majalah atau akhbar pernah menjadi landasan untuk mengeluarkan

pendapat dan juga mengadakan perbincangan. Oleh itu, untuk melihat pemikiran islah masyarakat dan juga perluasan gerakan islah di Tanah Melayu era tahun 1920 hingga 1930-an perlulah melihat penulisan dan juga pemikiran masyarakat melalui majalah atau akhbar zamannya. Salah satu sumber tersebut adalah majalah *Al-Ikhwan*.

Dalam mengkaji pemikiran islah di Tanah Melayu melalui majalah *Al-Ikhwan* ini, tumpuan diberikan kepada tahun 1924 iaitu semasa penubuhan majalah ini hingga tahun 1931. Kajian ini dimulakan dengan tahun 1924. Ini adalah kerana tahun 1924 adalah tahun pertama penerbitan majalah *Al-Ikhwan* iaitu pada pada 16 September 1926 dan diterbitkan oleh *British Malaya Company*.¹ Majalah *Al-Ikhwan* telah tamat pada bulan September 1931 kerana kurang mendapat sambutan dan cadangan untuk menerbitkan akhbar yang baru iaitu akhbar *Saudara*.

Pengkhususan yang dibuat untuk mengkaji pemikiran islah di Tanah Melayu dilihat dengan mengeluarkan isu-isu terpenting dan membawa perubahan kepada masyarakat melalui majalah *Al-Ikhwan*. Misalnya isu emansipasi wanita yang membawa banyak perubahan dalam kehidupan masyarakat Melayu pada ketika itu. Emansipasi wanita ternyata telah membawa kebebasan dari segi pemakaian, budaya, dan juga pemikiran kaum wanita. Perjuangan yang diketengahkan oleh Kaum Muda dalam majalah *Al-Ikhwan* adalah berlandaskan kepada Al-Quran dan Sunnah. Begitu juga dengan isu penentangan amalan bidaah. Mereka berpendapat bahawa amalan

¹ Talib Samat, *Syed Syeikh Al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 23.

bidaah yang sesat telah menjadikan orang Melayu mundur dari segala segi. Oleh itu mereka menyeru agar masyarakat kembali kepada ajaran Al-Quran dan Sunnah.

Keseluruhan latihan ilmiah ini dibahagikan kepada lima bab, satu pengenalan dan satu kesimpulan. Bagi bahagian pengenalan akan dibincangkan tentang persoalan kajian, skop kajian, kepentingan kajian, objektif kajian, dan juga kaedah kajian. Bab yang pertama akan membincangkan tentang perkembangan akhbar dan majalah di Tanah Melayu dan sejarah penubuhan majalah *Al-Ikhwan*. Bab yang kedua pula akan menyentuh tentang islah dan masyarakat Melayu pada era 1920-an hingga 1930-an. Kita akan melihat secara terpeinci tentang islah, suasana masyarakat, aktiviti islah di Tanah Melayu, dan juga reaksi yang diberikan oleh masyarakat terhadap gerakan islah.

Kemudian bab yang ketiga pula akan membincangkan berkenaan sejarah hidup dan peranan pengasas majalah *Al-Ikhwan*. Selain itu kita juga akan melihat pengaruh dan pemikiran Syed Sheikh Al-Hadi serta perubahan dan juga sumbangannya melalui majalah *Al-Ikhwan*. Bab yang keempat dan kelima pula akan menyentuh isu-isu yang diperdebatkan dalam majalah *Al-Ikhwan* dan membawa kepada perubahan kepada masyarakat. Isu tersebut ialah pemikiran islah dan isu emansipasi wanita dan pemikiran islah dan penentangan bidaah.

Pada bahagian kesimpulan penulis berpendapat benarlah majalah *Al-Ikhwan* ini telah membawakan pemikiran islah ke Tanah Melayu. Penulis akan

menyimpulkan peranan akhbar dan majalah di Tanah Melayu. Kemudiannya penulis akan mengulas tentang kemunculan pemikiran islah di Tanah Melayu. Penulis juga akan meneliti sifat-sifat seorang mujaddid yang dikaitkan dengan Syed Sheikh Al-Hadi dan akan membincangkan faktor-faktor yang telah mempengaruhi pemikiran beliau. Akhir sekali, Penulis juga akan meneliti kesan pemikiran islah kepada masyarakat dan penerimaannya kepada masyarakat serta pembandingan pembawaan pemikiran islah antara majalah *Al-Ikhwan* dan juga majalah yang sezaman dengannya.

Objektif Kajian

Tujuan latihan ilmiah ini dibuat adalah yang pertama sekali untuk mengkaji sejauhmanakah majalah *Al-Ikhwan* berperanan membawa pemikiran islah kepada masyarakat Melayu. Hal ini dilihat melalui isu-isu pembaharuan yang dibawa oleh Kaum Muda dalam masyarakat Melayu melalui majalah *Al-Ikhwan*. Penulisan ilmiah ini juga bertujuan melihat sejarah perkembangan akhbar dan majalah di Tanah Melayu serta sumbangannya majalah *Al-Ikhwan*.

Disamping itu, penulisan ilmiah ini juga bertujuan meneliti reaksi yang telah diberikan oleh masyarakat terhadap pemikiran islah Kaum Muda melalui majalah *Al-Ikhwan*. Reaksi yang ditunjukkan oleh masyarakat Tanah Melayu pada ketika itu boleh dilihat melalui reaksi sultan, Kaum Tua, dan juga pihak British. Penulis juga beranggapan bahawa penulisan ilmiah ini juga bertujuan mengkaji perubahan

masyarakat pada abad ke-20 melalui majalah *Al-Ikhwan*. Perubahan masyarakat ini adalah berkenaan perubahan dari segi budaya dan juga kefahaman agama. akhir sekali latihan ilmiah ini adalah bertujuan untuk memenuhi syarat kursus untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sastera dan Sains Sosial di Universiti Malaya.

Kepentingan Kajian

Tajuk ini dipilih sebagai kajian latihan ilmiah berdasarkan tinjauan yang telah dibuat ke atas penulisan pemikiran islah dan majalah di Tanah Melayu. Kebanyakan penulisan awal pemikiran islah di Tanah Melayu tidak mengaitkan dengan secara detail gerakan tersebut dengan majalah *Al-Ikhwan*. Namun mereka sering mengaitkan gerakan islah di Tanah Melayu dengan Majalah *Al-Imam* atau majalah-majalah yang lain.

Walaupun ada kajian yang menyentuh tentang idea dan pemikiran yang terdapat dalam majalah *Al-Ikhwan*, namun dilihat kajian tersebut tidak dirangkumkan dalam pemikiran islah. Sehubungan dengan itu, beberapa kajian yang telah dihasilkan diteliti untuk membuktikan wujudnya kekurangan tersebut. Penulisan yang terawal adalah diusahakan oleh Jamilah Othman melalui tesis sarjananya yang bertajuk “Sayyid Shaykh Al-Hadi: His Role in the Transformation of Muslim Societies in Peninsular Malaya and the Straits Settlements During the Latter Half of the Nineteenth and Early Twentieth Centuries”. Beliau membincangkan tentang perubahan yang dibawa oleh Syed Syeikh Al-Hadi ke atas muslim di Tanah Melayu.

Namun beliau tidak membincangkan dengan jelas tentang penentangan bidaah yang dilakukan oleh Kaum Muda melalui majalah *Al-Ikhwan*.

Penulis juga ada merujuk hasil penulisan Marina Merican berkenaan isu emansipasi wanita di dalam majalah *Al-Ikhwan* pada 1960. Ternyata beliau hanya menyentuh tentang isu wanita dalam majalah *Al-Ikhwan* dan tidak pula mengaitkannya dengan pemikiran islah di Tanah Melayu. Selain itu, penulis ada juga merujuk hasil penulisan yang dibuat oleh Talib Samat. Penulis melihat Talib Samat lebih banyak membincangkan tentang karya sastera yang dibuat oleh Syed Sheikh Al-Hadi dan juga riwayat hidupnya.² Beliau lebih menumpukan peranan dan sumbangan Syed Sheikh Al-Hadi dalam bidang kesusastraan dan juga penulisannya. Misalnya penulisan Faridah Hanum dan banyak lagi.

Kajian oleh Ahmad Fuad Apandi juga telah dilihat dan dikaji. Secara keseluruhannya beliau telah menekankan idea yang dibawa oleh majalah *Al-Ikhwan*³ tanpa membincangkan dengan jelas pemikiran islah di Tanah Melayu. Terdapat juga isu emansipasi yang dibincangkan dalam kajian yang dibuat oleh Ahmad Fuad Apandi. Namun, Beliau tidak menyentuh keseluruhan isu emansipasi yang dibincangkan dalam Majalah *Al-Ikhwan*. Misalnya di dalam *Al-Ikhwan* ada menyebut tentang peranan wanita terhadap Negara melalui pengaruh Turki dan juga pelbagai

² Talib Samat, *Syed Syeikh Al-hadi: Sasterawan Progresif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 118.

³ Ahmad Ahmad Fuad Apandi, *Al-Ikhwan 1926-1931: Idea dan Pemikiran*, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1996, hlm. 33.

cara lain. Selain itu, dalam bab kajian beliau, tidak terdapat isu menentangan terhadap bidaah secara terpeinci yang terbukti terdapat dalam Majalah *Al-Ikhwan*.

Penulis juga telah melihat penulisan kertas kerja oleh Mohd. Sarim Haji Mustajab yang bertajuk “Gerakan Islah Islamiah: Kajian Terhadap Tiga Tokoh Pelopornya”. Kertas kerja ini ternyata lebih banyak membincangkan tentang tokoh-tokoh gerakan islah di Tanah Melayu⁴ daripada membincangkan isu pemikiran islah di Tanah melayu. Mohd Sarim Mustajab telah menjelaskan islah di Tanah Melayu melalui tokoh-tokoh yang telah dibincangkannya.

Penulisan yang serupa juga terdapat pada hasil tulisan Sharifah Zaleha Syed Hassan. Beliau membincangkan kebebasan wanita dari kaca mata Kaum Muda dan gerakan Al-Arqam. Penulis melihat bahawa beliau hanya menyentuh isu emansipasi wanita melalui majalah *Al-Imam* dan juga *Al-Ikhwan*. Beliau tidak membincangkan dan mengaitkannya dengan pemikiran islah pada abad ke-20, misalnya isu penentangan bidaah oleh Kaum Muda. Akhir sekali, penulis telah merujuk penulisan yang telah diusahakan oleh Saidul Amin. Penulisan ini dilihat lebih kepada perdebatan antara Kaum Tua dan Kaum Muda. Namun beliau telah menyelitkan isu-isu pemikiran islah oleh Kaum Muda di dalam tesis sarjananya. Misalnya isu-isu berkenaan masalah pemikiran islam yang sehingga kini masih diperbincangkan.

⁴ Mohd. Sarim Haji Mustajab, “Gerakan Islah Islamiah: Kajian Terhadap Tiga Tokoh Pelopornya”, dlm. Abdul Latif Abu Bakar et.al., *Melaka Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Institusi Kajian Patriotisme Malaysia dan Penerbitan Universiti Malaya, 1996, hlm. 119.

Oleh itu, kajian ilmiah ini dilihat memberikan sumbangan dari segi memperincikan pemikiran islah dan mengeluarkan isu-isu yang boleh dikaitkan dengan membawa pemikiran islah kepada masyarakat. Selain itu, kajian ilmiah ini dapat menambahkan lagi kajian yang berbentuk ilmiah di jabatan sejarah Universiti Malaya.

Kaedah Kajian

Kajian ini disempurnakan melalui kajian perpustakaan dengan meneliti sumber pertama dan juga sumber kedua. Sumber-sumber pertama yang diteliti terdiri daripada majalah *Al-Ikhwan* sendiri dari tahun 1924 hingga tamatnya penerbitan majalah al-ikhwan pada tahun 1930. Selain itu, penulis juga meneliti surat-surat persendirian yang terdapat di Arkib negara, iaitu SP. 24 dan SP. 60. Sumber kedua pula ialah buku, latihan ilmiah, Desertasi, dan kertas kerja. Penulis juga ada merujuk sumber dari internet. Senarai kedua-dua sumber ini boleh dirujuk dalam bibliografi.

BAB 1

PERKEMBANGAN AKHBAR DAN MAJALAH

Pengenalan

Bab yang pertama ini akan menyentuh tentang perkembangan akhbar dan majalah di Tanah Melayu. Majalah dan akhbar adalah salah satu sumber primer sejarah yang sangat penting kepada masyarakat. Menurut *Kamus Dewan*, majalah adalah terbitan berkala yang mengandungi makalah, fiksyen, gambar, dan sebagainya.¹ Majalah menggambarkan suasana atau peristiwa masyarakat mengikut masa dan keadaannya. Majalah juga membawa pandangan masyarakat atau ahli fikir dalam masyarakat tersebut selain daripada melambangkan kemajuan, intelektual, intelejensia, atau pengaruh dalam masyarakat itu sendiri.

Tujuan penulisan majalah adalah untuk menggambarkan bentuk dan pensejarahan bagi tumpahan yang tertentu.² Selain itu, penulisan majalah juga bertujuan untuk memberi maklumat asas kepada pembacanya tentang sesuatu peristiwa ataupun ilmu baru. Maklumat asas ini menyentuh tentang corak kehidupan, isu-isu semasa ketika majalah itu diterbitkan, dan sebagainya. Majalah juga boleh dijadikan iktibar atau pengajaran kepada para pembacanya daripada peristiwa atau perkara yang dibincangkan. Misalnya kemelesetan ekonomi dan juga penyelesaiannya.

¹ Noresah Binti Baharom, *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002, hlm. 843.

² Muhd Yusof Ibrahim, *Pensejarahan Melayu 1800-1960*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997, hlm. 134.

Majalah dan Akhbar Alam Melayu

Kemunculan media cetak di Tanah Melayu amnya adalah hasil usaha orang Eropah yang memperkenalkan alat percetakan di Tanah Melayu sekitar abad ke 19. Filipina adalah negara pertama yang diperkenalkan teknologi percetakan iaitu pada tahun 1593 dan diikuti oleh Indonesia pada abad berikutnya. Di Tanah Melayu, teknologi pencetakan ini telah berkembang pada tahun 1806. Pada waktu itu, pencetak A. B. Bone, The Goverment Gazette telah diterbitkan buat pertama kali di Tanah Melayu.³

Pada awal abad ke 19, majalah telah berkembang di negeri-negeri yang diduduki oleh orang eropah khususnya negeri-negeri selat. Misalnya akhbar berbahasa Inggeris pertama di Singapura telah mula diterbitkan pada 1825 iaitu *Singapore Free Press*.⁴ Kemudian terbit pula akhbar *Malacca Observer* di Melaka selepas dua tahun penyerahan Melaka oleh Belanda kepada Inggeris. Begitu juga dengan akhbar *Pinang Register and Miscellany* pada tahun 1827.

Sebelum 1876, semua akhbar yang diterbitkan adalah berbahasa Inggeris. Namun antara tahun 1876 hingga 1895 muncul akhbar berbahasa Melayu yang pertama iaitu *Jawi Peranakan*⁵ dalam tulisan jawi.⁶ Akhbar Jawi peranakan⁷ ini

³ Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. , 2001, hlm. 314.

⁴ Ibid.

⁵ Kassim Ahmad, "Katakanlah Yang Benar: Peranan dan Tanggungjawab Surat Khabar", Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Tokoh-tokoh Persuratkhabaran Malaysia Dalam Abad Kedua; Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 19-20 Ogos, 2005, hlm. 2.

diterbitkan di Singapura dan hasil usaha Munsyi Mohd. Said bin Dada Muhyiddin.⁸ Akhbar ini telah memberi sumbangan yang cukup besar kepada bangsa melayu walaupun pada pendapat Roff, akhbar ini dikatakan kurang memuaskan dan membosankan.⁹ *Jawi Peranakan* telah menjadi pelopor atau asas kemunculan akhbar berbahasa Melayu yang lain seperti akhbar bahasa Melayu pertama yang diterbitkan di Negeri-negeri Melayu bersekutu iaitu *Seri Perak* pada tahun 1893.

Akhbar bahasa Melayu amat lewat kelahirannya berbanding akhbar berbahasa Inggeris. Akhbar Melayu telah muncul hampir tujuh puluh tahun selepas akhbar berbahasa Inggeris. Selain daripada penerbitan akhbar berbahasa Inggeris dan melayu akhbar berbahasa Cina dan Tamil juga telah diterbitkan di Tanah Melayu iaitu akhbar *The Chinese Monthly Magazine* (1815) dan *Singai Warthamani* (1875).¹⁰ Akhbar ini terus berkembang pada abad ke 19 dengan lebih pesat.

⁶ Tulisan jawi adalah tulisan yang mendapat pengaruh daripada tulisan Bahasa Arab dan merupakan bukti penerimaan dan pengukuhan Islam ke atas Alam Melayu. Sebelum kedatangan Islam, masyarakat Melayu tidak mempunyai tulisan yang jelas. Tulisan jawi dikatakan telah mula digunakan oleh masyarakat Melayu sejak tersebarnya Islam di Alam Melayu. Buktinya dengan penemuan batu bersurat terengganu yang telah dijumpai pada 1902 oleh Syed Hussin Ghulam Al-Bukhari bersama-sama dengan pembantunya Pangeran Anum sewaktu singgah di Surau Kampung Buluh untuk menunaikan solat Zohor, dalam perjalanan mrereka untuk mengesan tapak yang sesuai untuk tujuan perlombongan bijih timah dan juga emas.

Tulisan jawi akhirnya terus berkembang dalam dunia penulisan. Akhbar Melayu dalam tulisan Jawi yang pertama ialah *Bustanus Arifin* yang dikeluarkan pada 1821. Kemudian diikuti oleh *Jawi peranakan* yang dipelopori oleh Munshi Mohd Said Bin Dada Mohyiddin (1876-1888). Sebelum 1941, semua akhbar Melayu ditulis dalam tulisan jawi.

⁷ Jawi peranakan ialah golongan India muslim. Namun kadang-kala terdapat pencampuran antara India dan juga Melayu. Lihat Halimah Mohd Said dan Zainab Abdul Majid, *Images of The Jawi Peranakan of Penang: Assimilation of the Jawi Peranakan Community Into the Malay Society*, Perak: Universiti Perguruan Sultan Idris, 2004, hlm. 16.

⁸ Mahani Musa, "Pakatan Sulit di Negeri-negeri Utara Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu 1821-1930an", Disertasi, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1991, hlm. 71.

⁹ Hussien Muhammad, Asal Mula Akta Pertubuhan di Malaysia: satu catatan Ringkas, *Malaysia dari segi Sejarah*, Bil. 2, 1983, hlm. 163.

¹⁰ Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, hlm. 317.

Pada awal abad ke-20, kebanyakan akhbar yang diterbitkan adalah bercorak umum. Misalnya akhbar *Chahaya Pulau Pinang* yang diterbitkan pada 1904 hingga 1924. Akhbar pada abad ke-20 telah menyiaran olahan peristiwa dalam dan luar negeri bersama sedikit ulasan. Terdapat juga pendapat oleh pengarang terhadap peristiwa yang terjadi seperti dalam ruangan editorial atau juga dikenali sebagai *Lidah pengarang*. Selain itu terdapat juga ruangan surat pembaca dan sebagainya.

Selain bercorak umum, akhbar pada abad ke-20 banyak mengemukakan akhbar bercorak agama. Tidak seperti abad-abad yang sebelumnya, penulisan akhbar hanya diusahakan oleh pengembang agama kristian. Misalnya *Bustanul Ariffin* yang diterbitkan di Melaka pada 1821. Akhbar bercorak agama ini telah dipelopori oleh majalah *Al-imam* pada 22 Julai 1906. Perjuangan *Al-imam* telah disambung oleh akhbar *Neraca*, *Al-ikhwan*, dan *Saudara*. Perjuangan yang diketegahkan melalui akhbar-akhbar tadi cenderung kepada reformasi Islam yang berpusat di Arab Saudi dan Mesir.

Kemunculan akhbar yang bersifat reformasi Islam telah menyebabkan lahir satu golongan reformis dan satu lagi golongan yang tetap berdasarkan agama Islam yang asal. Golongan ini telah menerbitkan beberapa akhbar lain melalui majlis-majlis agama dan juga sekolah-sekolah agama. Misalnya majalah *Pengasuh* yang diterbitkan pada 1918 di Kelantan. Antara akhbar-akhbar yang pernah wujud pada abad ke 20 ialah *al-imam*, *Arjaa*, *al-ikhwan*, *Semangat Islam*, *Al-Johoriah*, *Al-islam*, dan *Medan Al-islam*.

Secara keseluruhannya, jika dilihat, akhbar di Tanah Melayu telah dipengaruhi oleh beberapa pihak iaitu Timur Tengah, Indonesia, dan British sendiri. Pengaruh daripada Timur Tengah di Tanah Melayu boleh dilihat melalui faktor ilmu, percetakan bahan bacaan, dan kegiatan berpersatuan. Masyarakat Melayu mempunyai hubungan yang erat dengan Timur Tengah. Hal ini berlaku ekoran dari masyarakat Melayu yang pergi menuntut ilmu di Timur Tengah dan akhirnya kembali ke tanah air membawa pemikiran yang dipengaruhi oleh tokoh-tokoh yang terkenal di Timur Tengah melalui penulisan akhbar, pendidikan, dan sebagainya.

Tokoh-tokoh Alam Melayu yang terkenal ialah Syeikh Wan Ahmad Zain yang berasal dari Patani, Syeikh Ahmad Khatib Al-Minangkabawi, Hamka, Tok Kenali, dan ramai lagi. Syeikh Ahmad Khatib misalnya adalah salah seorang tokoh yang sangat hebat. Beliau adalah orang Melayu pertama yang menjadi imam di Masjid Al-Haram sebagai wakil mazhab Syafie. Beliau telah menulis banyak kitab yang akhirnya telah tersebar ke seluruh alam Melayu. Selain itu, Tok Kenali atau Muhammad Haji Wan Yusof juga adalah tokoh yang sangat berpengaruh di Alam Melayu. Beliau adalah murid kesayangan Haji Wan Ahmad Muhammad Zain bin Mustafa Al-Patani di Masjid Al-Haram, Mekah. Beliau akhirnya telah kembali ke Tanah Melayu dan terlibat dalam akhbar *Pengasuh* dan juga Majlis Agama Islam Kelantan pada tahun 1915.

Bahan bacaan yang diterbitkan di Timur Tengah juga telah menyebabkan masyarakat Tanah Melayu semakin terpengaruh dan terkesan dengan perubahan di Timur Tengah. Misalnya Syeikh Wan Ahmad Zain. Beliau telah ditugaskan untuk menjaga syarikat percetakan Melayu di Mekah pada tahun 1884 iaitu *Matba'ah al-*

mirriyyah al-kainah.¹¹ Syarikat ini mengeluarkan bahan bacaan dalam Bahasa Arab dan Melayu untuk disebarluaskan seluruh semenanjung Arab dan Tanah Melayu.

Di samping itu, pengaruh Timur Tengah yang telah membawa kepada kewujudan akhbar Melayu adalah melalui persatuan yang pertama ditubuhkan di bawah syeikh Ismail iaitu *Jamiyyah Islamiyyah*.¹² Persatuan ini adalah untuk menjaga kebajikan para pelajar di Mesir. Persatuan ini telah menjadikan majalah *Seruan Azhar* yang diterbitkan pada tahun 1925 sebagai lidah rasmi mereka. Manakala melalui pengaruh Indonesia pula ialah melalui pengaruh pergerakan rakyat Indonesia seperti Sarekat Islam dan Budi Otomo dalam akhbar *Ittihad* (1913).¹³ Pengaruh Indonesia adalah dari segi tarekat, pemikiran, dan juga semangat nasionalisme. Semangat nasionalisme yang ditunjukkan oleh masyarakat Indonesia telah menarik perhatian masyarakat di Tanah Melayu pada ketika itu.

Pengaruh British boleh dilihat melalui penerbitan akhbar-akhbar berbahasa Inggeris di Tanah Melayu. Contohnya *Singapore Free Press*. Selain itu, pengaruh British juga boleh dilihat daripada sumbangan yang telah diberikan dan cara hidup British yang telah menjadi amalan masyarakat. Sumbangan yang boleh dilihat ialah galakan kerajaan British terhadap penerbitan majalah. Misalnya majalah *Al-Ikhwan* yang pernah diterbitkan oleh *British Malaya Company* pada 1926.

¹¹ Mohammad Redzuan Othman, *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2005, hlm. 67.

¹² Ibid., hlm. 120.

¹³ Ibid.

Sejarah Majalah *Al-Ikhwan*

“Al-Ikhwan” berasal daripada perkataan bahasa Arab yang bermaksud kawan atau sahabat. Majalah *Al-Ikhwan* adalah salah satu majalah atau akhbar yang bercorak keagamaan yang pernah wujud di Tanah Melayu pada awal abad yang ke 20 dan diterbitkan di Pulau Pinang. Majalah ini dipelopori oleh seorang yang berpengalaman dalam bidang kewartawanan dan juga penerbitan di Tanah Melayu. Beliau telah mendapat sokongan daripada pihak kerajaan British semasa mengeluarkan majalah ini. Beliau ialah Syed Sheikh Al-hadi.

Majalah ini mengandungi 24 hingga 32 halaman yang bercetak dan bersaiz 6.6 inci lebar dan 9 inci panjangnya.¹⁴ Majalah *Al-Ikhwan* ditulis dengan menggunakan tulisan jawi dan bahasa Melayu. Harga bagi senaskah majalah *Al-Ikhwan* di Negeri-negeri Selat pada 1926 ialah 25 sen senaskah. Akhbar ini diterbitkan setiap 16 haribulan¹⁵ dan telah diterbitkan sebanyak 64 keluaran. Ruangan akhbar pula merangkumi berita dalam dan luar negeri. Selain itu terdapat juga penyelesaian agama dan juga isu-isu semasa serta halaman khas untuk membidas kata-kata Kaum Tua terhadap Kaum Muda.

Majalah *Al-Ikhwan* yang pertama diterbitkan pada 16 September 1926 dan telah tamat pada bulan Desember 1931. Majalah ini pada mulanya telah diterbitkan oleh *British Malaya Company*¹⁶ pada 1926 sebelum diambil alih oleh oleh *Jelutong*

¹⁴ Talib Samat, *Syed Syeikh Al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 23.

¹⁵ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 September 1926, hlm. 1.

¹⁶ Talib Samat, *Syed Syeikh Al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*, hlm. 23.

*Press*¹⁷ pada tahun berikutnya. Majalah ini merupakan platform bagi Kaum Muda menyuarakan fahaman dan pemikiran mereka. Majalah al-ikhwan ini adalah sealiran dengan majalah *Al-Imam* yang telah dikeluarkan oleh pengasas yang sama pada 1906 iaitu Syed Sheikh al-Hadi. Majalah *Al-Ikhwan* adalah kesinambungan daripada majalah yang bersifat keagamaan seperti majalah *Pengasuh* yang telah dikeluarkan pada 11.Julai.1918 dan berakhir pada 1919. Selain *Al-Ikhwan* dan *Al-Imam* akhbar yang diterbitkan oleh kaum muda ialah *Al-Manar*, dan *Saudara*.¹⁸

Majalah *Al-Ikhwan* telah cuba disebarluaskan ke seluruh Tanah Melayu, namun penerimaannya tidak menyeluruh dan hanya mendapat sambutan yang baik di Negeri-negeri Selat sahaja. Hal ini terbukti dengan apa yang disebut dalam majalah *Al-Ikhwan* keluaran 16 November 1928, bahawa sultan-sultan telah terpengaruh dengan ahli agama dan menegah rakyatnya untuk membaca majalah *Al-Ikhwan* atas alasan untuk menjaga kemuliaan agama Islam. Di Kelantan, Sultan Muhammad ke-iv telah menyekat kemasukan majalah *Al-Ikhwan* dan juga *Saudara* ke Negeri Kelantan.¹⁹

Perjuangan Kaum Muda melalui majalah *Al-Ikhwan* telah mendapat tentangan daripada golongan yang dikenali sebagai Kaum Tua. Percanggahan antara keduanya telah menjadi semakin hebat pada tahun 1920 an dan 1930 an.²⁰ Percanggahan dan

¹⁷ Jelutong Press adalah syarikat penerbitan kepunyaan Syed Syeikh Al-Hadi hasil daripada penjualan novelnya. Misalnya *Hikayat Setia Asyik kepada Maksyuknya* atau *Syafik Afandi dengan Faridah Hanum* yang telah diterbitkan pada 1925 hingga 1926.

¹⁸ Nik Abdul Aziz bin Nik Hassan, “Islam dan Masyarakat Kota Bharu Diantara tahun 1900-1933”, dlm. *Islam di Malaysia*, Selangor: Persatuan Sejarah Malaysia, (tt), hlm. 32.

¹⁹ Lihat Majalah *Al-Ikhwan*, 16 Mac 1929, hlm. 215 dan Petekan J, penahanan Al-Ikhwan dan Saudara ke Kelantan, dlm. Petekan-petekan Tulisan Sheikh al-Hadi dari *Al-Imam* dan *Al-Ikhwan*, Trinkripsi dari Jawa-Rumi oleh Syed Alwi 1927-1930/ SP. 60/ E/ 6, hlm. 50.

²⁰ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 Oktober.1928, hlm. 48-49.

juga teguran yang diberikan oleh Kaum Muda itu telah dianggap oleh kerajaan British sebagai usaha untuk memusnahkan sistem sosial dan politik. Oleh itu kerajaan British telah mengambil satu usaha keras untuk melarang kemasukan majalah atau risalah yang diterbitkan oleh kaum Muda ke beberapa buah negeri.

Pada tahun 1925, Pihak British telah membuat satu peraturan baru di Selangor dan Negeri Sembilan serta Perak pada tahun 1926. Peraturan ini adalah berkaitan hukuman berat yang dikenakan kepada sesiapa yang mencetak atau menerbitkan penulisan yang berkenaan agama Islam tanpa kebenaran Sultan. Mufti juga digesa agar melantik pegawai yang akan menapis segala penulisan agama.

Pada *Al-Ikhwan* bertarikh 16 September 1926 telah dinyatakan tujuan-tujuan majalah ini diterbitkan.²¹

1. Menyeru sekalian muslimin kepada kemajuan di dalam medan kehidupan menurut kebebasan yang dibenarkan oleh undang-undang kerajaan negeri.
2. Menyatakan kehendak agama Islam yang memberi kebajikan bagi perhimpunan kehidupan sekalian yang berpegang dengannya.
3. Menggemarkan kepada menuntut ilmu.
4. Membawa penghabaran luar negeri yang memberi ibarat kiasan kebajikan bagi kehidupan perhimpunan yang sempurna.
5. Membawa penghabaran di dalam negeri apa-apa yang memberi faedah bagi alam atau menolakkan mudarat daripadanya.

²¹ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 September 1926, hlm. 4.

6. Membawa cerita yang memberi ibarat kiasan bagi kehidupan yang sempurna.

Al-Ikhwan telah tamat penerbitannya pada 16 Disember 1931 kerana kurangnya langganan majalah tersebut. Hal ini adalah kerana saingen yang diperolehi daripada Majalah *Saudara* dan beberapa majalah yang lain. *Al-Ikhwan* bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan Kaum Muda dan menyatakan pendapat mereka. British mengharamkan sebarang risalah atau majalah tentang Islam dan sebarang berita tentang pertelingkahan antara Kaum Muda dan Kaum Tua di Negeri Sembilan, Selangor, dan Perak. Oleh sebab itulah kita lihat bahawa majalah *Al-Ikhwan* diterbitkan di Pulau Pinang, di tempat yang tidak terdapatnya sekatan oleh pihak British. Pengharaman itu dilakukan kerana perselisihan antara Kaum Muda dan Kaum Tua telah membuka minda dan menyediakan tempat untuk berbincang serta mengeluarkan pendapat masing-masing. Hal ini amat dikhuatiri oleh British.

Kesimpulan

Adanya media cetak yang diperkenalkan oleh pihak British di Tanah Melayu telah melancarkan lagi proses kemantapan pemikiran masyarakat di Tanah Melayu yang pada ketika itu sudahpun mempunyai pelbagai bangsa dan agama. Namun pergerakan media cetak ini tidak melibatkan kerjasama antara kaum dan terdiri daripada akhbar atau majalah yang berasingan. Misalnya akhbar Cina, India, dan juga akhbar Melayu yang mempunyai pelbagai keluaran pada ketika itu.

Al-Ikhwan lahir sebagai penyambung majalah *Al-Imam* yang telah terhenti. Oleh itu kita lihat, *Al-Ikhwan* juga telah membawa pendekatan yang sama dengan majalah *Al-Imam*. Majalah tersebut lahir adalah akibat perubahan pemikiran yang berbeza dengan apa yang telah sedia ada di tanah Melayu pada ketika itu. Malah lahirnya majalah tersebut seakan menggugat kedudukan para pentadbir ugama pada ketika itu.

BAB 2

ISLAH DAN MASYARAKAT MELAYU

Pengenalan:

Sebelum menyentuh dengan lebih mendalam tentang islah, penerangan tentang kedatangan Islam ke Alam Melayu secara ringkas amatlah perlu. Ini kerana perkataan islah ini sendiri berasal dari bahasa Arab dan diguna pakai secara meluas dalam agama Islam. Istilah islah juga sering dikaitkan dengan penggunaannya sebagai Islah Islamiyyah. Agama Islam telah disebarluaskan kepada masyarakat melayu melalui pelbagai cara antaranya adalah melalui India. Hal ini berdasarkan penemuan batu nisan di Pasai dan di Grisek adalah sama dengan batu nisan di Cambay dan Gujerat, India. Selain itu, mereka juga mendakwa bahawa penggunaan bahasa yang sama antara Melayu dan India, antaranya “lebai” berasal daripada “lebaigam” yang diambil daripada India Selatan yang bermaksud “Saudagar”.¹

Menurut sarjana Barat, Islam telah tersebar ke Alam Melayu seawal abad ke-13 dan 14. Marco Polo menyatakan bahawa Pasai iaitu Kota Perlak adalah kerajaan Melayu Islam yang Pertama.² Beliau telah singgah di Perlak dalam perjalananannya ke China.³ Namun banyak bukti lain yang menyatakan bahawa Islam telah tersebar lebih awal iaitu pada abad ke 10. Ini terbukti dengan penemuan batu nisan Syeikh Abdul

¹ Kasim Thukiman, *Malaysia Perspektif Sejarah dan Politik*, Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2002, hlm. 43.

² Ibid., hlm. 41.

³ Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Macmillan Publishers (M) Press Ltd., 1983, hlm. 14.

Kadir Ibnu Hussien Shah di Teluk Inggeris, Alor Setar yang bertarikh 290H/ 902M. Kedatangan Islam ke Tanah melayu telah menyebabkan masyarakat Melayu mula mengguna pakai cara hidup Islam secara berperingkat-peringkat.

Menurut Ibnu Manzur, islah bermaksud memperbaiki sesuatu setelah ia rosak.⁴ Manakala menurut Al-Syaikh Marbawi, islah adalah memperbaiki perkara yang rosak dari segi material ataupun jisim atau jiwa.⁵ Orang yang melakukan tugasan islah ini dipanggil sebagai *Muslih*.⁶ Tindakan memperbaiki itu dilakukan oleh muslih yang dimartabatkan sebagai ulama dan berpandukan petunjuk atau *huda*. Manakala mengikut pendapat lain, islah ialah pemulihan berdasarkan ajaran Al-Quran dan Hadis yang bertujuan membawa kemajuan kepada umat Islam. Islah ialah satu cara untuk mengembalikan umat Islam kembali kepada fitrah agama Islam akibat banyaknya penyelewengan yang telah dilakukan.

Ulama ialah mereka yang mempunyai ilmu yang mendalam tentang islam⁷ dan bertanggungjawab untuk melanjutkan tugas para nabi. Sebenarnya gerakan pemikiran islah ini telah wujud sejak zaman Nabi Adam lagi. Allah S.W.T telah mengutuskan rasul-rasulnya untuk memberi petunjuk dan menghapuskan kejahilan hambanya di muka bumi ini berdasarkan wahyu yang telah diturunkan kepada

⁴ Ibn Manzur, *Lisan Al'arab*, Beirut: Dar Sadir, Jilid 111, (tt), hlm. 111.

⁵ Mohd Noor Bin Deris, "Proses Islah Di Malaysia: Satu Tinjauan Ringkas", Kertas Kerja Dibentangkan Dalam Seminar Pengajian Syariah, Kuala Lumpur, 13-14 Jun 1995, hlm. 3.

⁶ Ibid.

⁷ Noresah Baharom, *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002, hlm. 1511.

mereka. Rasul atau Nabi yang diutuskan adalah saling berganti-ganti dan diutuskan kepada setiap kaum. Misalnya Allah telah mengurniakan kitab Injil kepada Nabi Isa dan juga Kitab Taurat kepada Nabi Musa sebagai petunjuk umatnya.

Sehingga ketamadunan manusia itu sudah semakin tinggi, maka Allah telah mengutuskan hanya seorang Rasul yang terakhir untuk sekalian manusia iaitu Nabi Muhammad S.A.W untuk menjadi contoh dan sebagai petunjuk sekalian alam. Setelah rasul yang terakhir wafat, maka tidak ada lagi rasul yang diturunkan untuk memperbaiki atau menghapuskan kejahilan manusia. Oleh itulah, para ulama diperlukan untuk memikul tanggungjawab tersebut. Para ulama tidak diberikan wahyu baru tetapi melaksanakan tanggungjawab itu berdasarkan petunjuk yang telah diberikan. Petunjuk yang dimaksudkan ialah Al-Quran dan juga Sunnah Rasulullah.

Tujuan islah ialah untuk meningkatkan amalan ilmu dan mengamalkan ajaran nabi, membawa perubahan dalam sosial dan ekonomi, dan yang paling utama ialah mengahapuskan amalan yang tiada kaitan dengan islam.⁸

Islah dan Pembahagiannya

Islah boleh dilihat melalui dua bentuk iaitu islah yang berbentuk tajdid dan juga islah reformis. Tajdid berasal daripada perkataan bahasa Arab yang bermaksud memperbaharui sesuatu sehingga ia menjadi baharu. Reformis pula berasal daripada

⁸ Ahmad Fuad Apandi, "Al-Ikhwan 1926-1931: Idea dan Pemikiran", Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1996, Universiti Malaya, hlm. 33.

perkataan reformasi atau *reform* yang bermaksud perubahan atau pembaharuan yang mengarah kepada keadaan yang lebih baik. Reformis bermaksud orang perseorangan atau golongan tertentu yang menganjurkan atau mengusahakan supaya berlaku perbaikan atau pembaharuan dalam bidang kebudayaan, agama, dan juga sosial.⁹

Islah tajdid berada di bawah tanggungjawab ulama mujadid. Ulama mujadid merujuk kepada kedudukan ulama berdasarkan kuat sangka dari sudut sifat, keperibadian, pemikiran, dan juga pengaruhnya dalam masyarakat yang sampai kepada tahap yang boleh dipanggil tajdid. Ulama mujadid lebih menumpukan hal keagamaan berbanding hal keduniaan dan yang selainnya. Peranan ulama mujadid melalui tajdid ialah menghidup dan mengembalikan ajaran agama. Para ulama yang dipertanggungjawabkan untuk membawa pembaharuan dalam masyarakat hendaklah menghidup dan mengembalikan ajaran agama yang telah pudar. Contohnya dengan menjamin keaslian nas melalui hafalan, pemahaman, dan juga pelaksanaan yang sempurna.

Selain itu ulama mujadid juga menyebarkan islah berbentuk tajdid melalui penyebaran ilmu. Ulama mujaddid berperanan dalam meningkatkan ilmu di kalangan masyarakat dengan mewarisi ilmu daripada ulama yang terdahulu, menunaikan kewajipan fardhu kifayah, dan menghalang penyelewengan. Ini dapat dilihat daripada tuntutan wahyu pertama yang menyeru agar umat islam pandai membaca dan menimba ilmu. Melalui tajdid juga, mereka berperanan untuk mengeluarkan ijihad

⁹ Noresah Baharom, *Kamus Dewan*, hlm. 1116.

baru dan menentang bidaah dalam masyarakat. Ulama mujadid¹⁰ mampu mengeluarkan ijtihad atau pandangan peribadi berdasarkan kajiannya terhadap nas iaitu Al-Quran dan juga sunnah. Pandangan tersebut digunakan untuk menjadi panduan dan menyelesaikan masalah masyarakat sekiranya tidak terdapat di dalam nas. Manakala penentangan bidaah pula dilakukan oleh ulama mujadid untuk melepaskan masyarakat dari amalan yang bertentangan dengan Islam.

Islah reformis ialah gerakan islah yang tidak mencapai tahap tajdid dan hanya berada di tahap muhadith. Muhadith ialah orang yang mencipta pembaharuan. Gerakan yang dibawa oleh ulama reformis ini tetap segar dan boleh membawa perubahan walaupun tokoh reformis itu telah meninggal dunia. Selain itu ulama reformis tidak melihat sesuatu perubahan dari sudut agama sahaja tetapi dari pelbagai sudut. Contohnya pengaruh Barat yang tidak sampai boleh menjaskannya akidah. Perbezaan kedua-dua ciri ulama dalam membawa islah atau perubahan kepada masyarakat boleh dilihat daripada pemikiran dan juga pegangan mereka.

Islah dan Modernisme

Islah boleh dilihat lebih teperinci dengan membezakannya dengan gerakan modernisme. Namun begitu, hakikatnya modernisme bukanlah salah satu daripada ciri islah kerana modernisme selalunya membawa kepada lebih banyak kerosakan. Modernisme ialah usaha membuat perubahan pada agama ke arah menyelarikan dan menyepadukan dengan pemikiran dan nilai tamadun barat. Modernisme bukan sekadar

¹⁰ Mujaddid bermaksud pembaharuan agama. Ibid., hlm. 903.

menggambarkan keterikatan kehidupan moden¹¹ tetapi sangat bertentangan dengan islah yang sebenarnya dan lebih kepada penyelewengan serta perubahan yang melampau.

Modenisme berlaku dalam setiap agama dalam dunia ini. Namun begitu, penulis lebih berminat untuk mengaitkan gerakan islah yang sebenar dengan modenisme yang berlaku dalam agama Islam dengan mengambil satu tokoh yang sangat dekat dengan hal yang dibincangkan. Tokoh yang dimaksudkan ialah Sir Sayyid Ahmad Khan (1817-1898) yang berasal daripada Delhi, India.¹² Beliau berasal daripada keluarga yang ternama dan rapat dengan pemerintah Mongul pada ketika itu. Sayyid Ahmad Khan telah membawa masuk pandangan dan pentafsiran baru ke dalam dunia Islam di India melalui pendekatan liberal, maju, dan baru. Beliau menyebarkan pemikirannya melalui pendekatan politik, penulisan, dan juga pendidikan.¹³ Beliau menyeru masyarakat Delhi agar memberikan kerjasama dengan pihak British, menubuhkan Kolej Aligarh untuk menyebarkan pemikirannya dan menulis banyak buku, misalnya *Athar al-sanadid*.¹⁴

Suasana Masyarakat Melayu Abad ke-20

Kehidupan sesebuah masyarakat boleh dilihat dari pelbagai sudut. Penelitian, pengkajian, dan juga penyelidikan yang dibuat adalah untuk menjadi panduan,

¹¹ Bastami Mohd Said, *Mafhum tajdid ai-Din*, Kuwait: Dar al-Da'wah, 1984, hlm. 99.

¹² Fadhullah Jamil, *Islam Zaman Moden: Cabaran dan Konflik*, Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd., 1997, hlm. 211.

¹³ Ibid., hlm. 217.

¹⁴ Ibid., hlm. 213.

teladan serta pegangan generasi akan datang dan menjadikan peristiwa mahupun kehidupan lampau sebagai contoh penghidupan mereka. Kita boleh melihat sejarah masa lampau sesebuah masyarakat melalui sistem politik dan pemerintahan, ekonomi, serta sistem sosial dalam masyarakat tersebut. Kajian yang dibuat ke atas masyarakat tadi akan menggambarkan corak kehidupan mereka dan menerangkan kepada kita cara pemikiran mereka melalui pengaruh suasana yang mereka lalui ketika itu.

Apabila membincangkan masyarakat Melayu pada abad ke-19 dan ke-20, terdapat sarjana yang berpendapat bahawa masyarakat pada abad ke-20 ialah pemisah antara masyarakat tradisi dengan masyarakat Melayu yang telah mengalami pemodenan sesuai dengan peredaran zamannya. Misalnya J. M Gullick dalam bukunya *Malay Society in The Late Nineteenth century beginning of change*. Banyak kemungkinan pemodenan boleh berlaku antaranya kemasukan British ke Tanah Melayu dan juga kehadiran imigran luar yang memberi cabaran kepada kaum melayu, kehadiran media cetak yang semakin meluas membuka minda serta pemikiran masyarakat Melayu sendiri.

Masyarakat Melayu terdiri daripada mereka yang mengamalkan adat tradisi Melayu dan beragama Islam. Struktur masyarakat Melayu pada suatu masa dahulu secara umumnya terdiri daripada dua golongan yang terdiri daripada golongan pemerintah dan golongan yang diperintah.¹⁵ Bermula abad ke-14 lagi, orang Melayu telah mula dijajah oleh Portugis. Kemudianya Belanda dan seterusnya oleh pihak

¹⁵ Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2001, hlm. 55.

British. Penjajahan pihak Barat ini telah sedikit sebanyak memberi kesan kepada transformasi sosial terhadap masyarakat Melayu. Misalnya proses kristianisasi yang telah disebar luas oleh pihak penjajah semasa berada di Tanah Melayu. Proses kristianisasi ini telah pun lama berlaku iaitu sejak abad ke-14 lagi. Bukti terdapat orang Melayu yang telah menganut agama Kristian semasa pemerintahan Portugis. Beliau adalah Bendahara Melaka yang berkhidmat dengan Portugis sejak 1573 dan kemudiannya dilantik sebagai Military Order of Christ.¹⁶

Sehinggalah sewaktu kedatangan British, usaha Kristianisasi ini telah semakin lemah. Walaubagaimanapun British telah membawa banyak perubahan kepada masyarakat Tanah Melayu melalui ekonomi. Kedatangan British ke Tanah Melayu ada kaitannya dengan imigrasi luar ke tanah melayu pada ketika itu. Pada akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19, aktiviti penghijrahan ini begitu mendadak dengan bilangan yang ramai dan tidak putus-putus sehingga awal abad ke-20.¹⁷ Migrasi yang berlaku di Tanah Melayu pada ketika itu adalah daripada Cina dan India.

Kemasukan migrasi luar ke Tanah Melayu adalah untuk kegiatan ekonomi. Masyarakat Cina misalnya terlibat dengan perlombongan manakala masyarakat India bekerja di estet-estet. Masyarakat Melayu pada ketika itu hanya menjalankan kegiatan pertanian secara kecil-kecilan di kampung-kampung yang terletak di pedalaman. Misalnya penanaman padi sawah dan juga buah-buahan. Perbezaan cara hidup telah

¹⁶ Ibid., hlm. 148.

¹⁷ Ibid., hlm. 8.

membawa jurang yang besar kepada ketiga-tiga kaum ini. Mereka tidak mempunyai peluang untuk bertemu dan menjalankan kegiatan bersama.

Sejarah Gerakan Islah di Tanah Melayu

Kebiasaan apabila membincangkan gerakan islah di Tanah Melayu, ramai penulis terus sahaja mengaitkan gerakan islah di Tanah Melayu kepada Kaum Muda dengan beberapa aktiviti yang telah dipelopori oleh mereka. Namun sebenarnya ada banyak gerakan islah lain yang telah wujud. Contohnya gerakan yang dibawa oleh Wahabi dan juga oleh tokoh-tokoh yang terkenal seperti Tok Kenali melalui majalah *Pengasuh* (1918).¹⁸ Namun pada dapatan penulis, aktiviti islah yang dibawa oleh kaum muda adalah gerakan islah yang terkenal di Tanah Melayu kerana terlibat lebih daripada satu negeri dan tersebar luas di Nusantara.

Pemikiran islah yang dibawa oleh Kaum Muda dan golongan yang menentang mereka mempunyai tujuan yang sama iaitu untuk membawa kemajuan dalam masyarakat, walaupun pemikiran dan pembawaan yang berbeza. Hal ini boleh dilihat daripada tujuan penubuhan majalah *Al-Ikhwan* yang menyebut “Menyeru sekalian muslimin kepada kemajuan di dalam medan kehidupan menurut kebebasan yang dibenarkan oleh undang-undang kerajaan negeri.”¹⁹ Misalnya melalui penerbitan yang berbeza majalah *Pengasuh* telah cuba membuka minda masyarakat melayu

¹⁸ Mohd Noor Bin Deris, “Proses Islah Di Malaysia: Satu Tinjauan Ringkas”, hlm. 52.

¹⁹ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 September 1926, hlm. 4.

terhadap kemajuan negara luar melalui liputan mereka dan begitu juga dengan majalah keluaran Kaum Muda seperti *Al-Ikhwan* dan banyak lagi.

Gerakan islah di Tanah Melayu boleh dilihat melalui dua pengaruh yang besar iaitu pengaruh dari India dan juga Timur Tengah. Ini kerana kedua-dua pengaruh ini telah memainkan peranan sebagai pusat pendidikan, hubungan perdagangan dan juga pengaruh mazhab yang sama dengan Tanah Melayu.²⁰ Sebagai Contoh Tok Kenali yang lahir pada tahun 1868. Beliau telah mendapat pendidikan daripada Haji Wan Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa Al-Patani di Makkah.

Pengaruh idea dan pemikiran daripada India telah memainkan peranan penting di Kepulauan Melayu sejak awal lagi.²¹ Islah yang dibawa dari India boleh dilihat melalui peranan Tok Khurasan yang telah datang ke Tanah Melayu dan menubuhkan sekolah pondok di Jalan Gajah Mati, Kelantan. Beliau telah membawa pemikiran tetang fiqh dan tasawuf yang bersumberkan Al-Quran dan Sunnah. Pemikiran dan ajaran beliau telah mempengaruhi Haji Wan Musa, Mufti kelantan pada ketika itu untuk menghantarkan anak-anaknya belajar ke India sebelum melanjutkan pengajian ke Makkah.

²⁰ Mohammad Redzuan Othman, *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2005, hlm. 63.

²¹ Badrol Hisham Ahmad Noor, "Projek Semasa Penyebaran Ilmu Seberang Lautan: Penyebaran Ilmu dan Agama di antara pelajar-pelajar Malaysia dan Indonesia di dan Pakistan dan Perkembangan ilmu di negara asal mereka", 6 Feb 2004, <<http://www.zmo.de/Mitarbeiter/Noor/malay/projek.htm>> (15 jan 2006).

Gerakan islah juga dibawa hasil pengaruh daripada kumpulan Wahabi²² di Tanah Melayu boleh dilihat melalui peranan yang dibawa oleh Ismail Pontianak atau Haji Ismail bin Haji Mustafa yang hidup pada awal abad ke-20 (1907). Ajaran wahabi berpendapat semua bidaah, syirik, dan juga khurafat harus dimusnahkan.²³ Ismail Pontianak berasal daripada Kota Bharu, Kelantan. Ismail Pontianak pernah mendapat pendidikan di Arab Saudi dan terpengaruh dengan Muhammad Abdul Wahab (1115H/1701M) iaitu pengasas kumpulan wahabi.²⁴ Tujuan penubuhan kumpulan ini adalah menentang amalan bidaah dan khurafat dengan meletakkan akidah kepada tuntutan sunnah. Beliau telah mengajarkan fahaman ini kepada masyarakat apabila sekembalinya ke Kota Bharu. Namun penerimaan yang diberikan oleh masyarakat adalah dingin lantaran majoriti masyarakat di Tanah Melayu bermazhabkan Imam Syafie iaitu imam Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Akhirnya beliau telah berhijrah ke Kampung Pontianak, Indonesia untuk mengajarkan fahaman Wahabi dan menjadi mufti di sana. Ketika berada di Pontianak, beliau telah membuat lawatan ke serata negeri di Timur Tengah dalam perjalanannya untuk menunaikan ibadah haji. Namun, tindakannya itu telah menyebabkan beliau telah terlepas masa untuk menunaikan haji dan terpaksa menunggu pada tahun hadapan. Beliau berada di Mekah selama satu tahun dan kemudiannya kembali

²² Mohd Noor Bin Deris, "Proses Islah Di Malaysia: Satu Tinjauan Ringkas", hlm. 15.

²³ Saidul Amin, "Perdebatan Kaum Tua dan Kaum Muda di Minangkabau Dalam Beberapa Masalah Pemikiran Islam", Desartasi, Universiti Malaya, 2003, hlm. 61.

²⁴ Zainal Abidin Syihab, *Gerakan Wahabi: Tohmahan dan Jawapan*, Sungai Petani: Titian Sejati Enterprise, 1998, hlm. 6.

semula ke Pontianak. Setibanya beliau di Pontianak, kedudukannya sebagai Mufti telah disingkirkan dan beliau kembali ke kampung halamannya Kota Bharu.

Di Kota Bharu beliau telah dapat menyesuaikan pemikiran awal wahabinya dengan pemikiran masyarakat tempatan dan telah diterima oleh masyarakat. Beliau dilantik menjadi khatib di Masjid Kota Bharu. Antara pembaharuan yang dibawa oleh beliau ialah mengubah konsep bahasa dalam khutbah iaitu dari bahasa Arab ke bahasa Melayu. Beliau juga pernah bertepuk tangan ketika beliau membaca khutbah tentang perjuangan komunis untuk menaikkan semangat orang yang mendengarnya.

Gerakan islah di Tanah Melayu seterusnya boleh dilihat melalui pembaharuan yang telah dibawa oleh Kaum Muda. Penggunaan istilah Kaum Muda ini sebenarnya adalah satu gelaran sinis yang telah diberikan oleh mereka yang tidak menyukai golongan ini. Mereka telah berjaya menyatakan pemikiran mereka melalui penubuhan madrasah dan juga penerbitan majalah. Tokoh yang memainkan peranan penting dalam gerakan Kaum Muda ini ialah Syed Sheikh Al-Hadi, Haji Abas bin Mohd. Taha, dan Sheikh Tahir Jalaluddin.²⁵ Kaum muda dikatakan telah mengcam

²⁵ Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin berasal dari Sumatera dan telah mendapat pendidikan di Universiti Al-Azhar Mesir. Beliau merupakan Mufti Perak pada masa itu dan telah berjaya menerbitkan majalah al Imam. Manakala Haji Abbas Muhammad Taha pula berasal dari Singapura dan mendapat pendidikan awal di Mekah. Beliau telah berjaya menerbitkan akhbar *Neracha* yang menjadi salah satu akhbar yang membawa pembaharuan di Alam Melayu. Beliau juga adalah Kadi di Tanjung Pagar. Manakala Syed Sheikh Al-Hadi pula berasal dari Melaka. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Terengganu dan Pulau Penyengat, Riau. Beliau dikatakan telah berjaya dalam menerbitkan akhbar *Al-Ikhwan* dan *Saudara*. Untuk keterangan lanjut tentang biodata tokoh gerakan islah, sila rujuk Mohd. Sarim Haji Mustajab, "Gerakan Islah Islamiah: Kajian Terhadap Tiga Tokoh Pelopornya", dlm. Abdul Latif Abu Bakar et.al., *Melaka Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Institusi Kajian Patriotisme Malaysia dan Penerbitan Universiti Malaya, 1996, hlm. 119.

kedudukan pucuk pimpinan agama dan para pembesar Melayu serta mengkritik cara hidup orang Melayu yang dikatakan bercanggah dengan agama Islam.

Cara hidup yang bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar inilah pada mereka telah membawa kemunduran dalam hidup orang Islam. Menurut Syeikh Tahir Jalaluddin kelemahan dalam pentadbiran agama Islam telah menyebabkan pegawai British campur tangan dalam pentadbiran.²⁶ Selain itu, beliau juga mengkritik sistem pendidikan yang dikendalikan oleh tokoh-tokoh agama ketika itu yang padanya adalah sistem pendidikan yang kolot dan ketinggalan zaman.

Gerakan islah di tanah melayu pada awal abad ke-20 ini adalah hasil daripada pengaruh Timur Tengah boleh dibuktinya daripada pemikiran Syeikh Muhammad Abduh yang telah mempengaruhi Syed Syeikh Al-Hadi dan sahabat-sahabatnya. Beliau seterusnya telah membawa pembaharuan pemikiran Muhammad Abduh ke Tanah Melayu. Syed syeikh Al-Hadi telah pergi ke Mesir untuk menemani anak-anak raja Riau. Ini telah memberi peluang kepada beliau untuk melihat corak kehidupan di Mesir, kemajuan dan juga pemikiran serta kefahaman yang hebat dipelopori oleh tokoh-tokoh yang terkemuka. Beliau juga berkesempatan menuntut ilmu dengan Muhammad Abduh.²⁷

²⁶ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 November 1926, hlm. 41.

²⁷ Muhammad Abduh atau juga dikenali sebagai Al-Imam oleh pengikutnya adalah Mufti Mesir yang termasyhur. Beliau juga merupakan pelopor fahaman pembaharuan islam yang terkenal hingga berjaya membawa revolusioner dalam pembangunan dan pemikiran rakyat Mesir. Lihat Talib Samat, *Syed Syeikh Al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 99.

Salah satu pembaharuan Muhammad Abduh yang telah menarik perhatian Syed Syeikh Al-Hadi dan sahabat-sahabatnya ialah pemikiran tentang pendidikan sekular. Muhammad Abduh telah menyarankan agar ummat Islam didedahkan dengan ilmu-ilmu moden atau sekular sepetimana yang telah dilaksanakan di Universiti Al-Azhar, Mesir. Namun begitu, pengajaran ilmu-ilmu Islam dan bahasa Arab tetap menjadi teras pengajaran di universiti tersebut. Pendidikan sekular yang telah berjaya diterapkan dalam sistem pendidikan di Mesir telah berjaya melahirkan banyak tokoh reformis yang radikal. Termasuklah Syeikh Tahir Jalaluddin dan ramai lagi.

Syed Syeikh Al-Hadi telah mencontohi gerakan yang dibawa oleh Muhammad Abduh ini dengan mengasaskan pendidikan madrasah. Madrasah berasal daripada perkataan bahasa Arab yang membawa maksud sekolah. Pendidikan madrasah menerima ilmu-ilmu Barat dan sistem pendidikannya. Sistem pendidikan madrasah telah membawa mata pelajaran bahasa Inggeris dan ilmu hisab ke dalam pendidikan tradisional Alam Melayu. Sistem ini kemudiannya telah ditiru oleh sekolah pondok yang lain. Madrasah yang diasaskan oleh beliau antaranya ialah Madrasah Al-Masyhur, Pulau Pinang.

Selain itu, cara Muhammad Abduh menyuarakan pendapatnya kepada masyarakat umum iaitu melalui majalah *Al-Manar* juga telah ditiru oleh Syed Sheikh Al-Hadi dengan menerbitkan Majalah *Al-Imam*, *Al-Ikhwan*, dan juga *Saudara*. Melalui majalah tersebut beliau telah memasukkan kefahaman baru tentang kemajuan masyarakat, emansipasi wanita, dan juga berita tentang negara luar untuk

meningkatkan kesedaran dalam diri masyarakat Melayu ketika itu. Hakikatnya, walaupun terdapat banyak sumber penyebaran gerakan islah di Tanah Melayu, namun golongan yang memainkan peranan utama dalam gerakan islah adalah Kaum Muda dengan pengaruh daripada Mesir dan melalui akhbar pertama mereka *Al-Imam* pada 1906 dan seterusnya disambung dengan akhbar lain seperti *Neraca*, *Saudara*, dan *Al-Ikhwan*.

Aktiviti Islah di Tanah Melayu

Aktiviti islah di Tanah Melayu pada awal abad ke 20 boleh dilihat melalui peranan yang dimainkan oleh Kaum Muda. Aktiviti Kaum Muda yang berkaitan dengan islah boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu melalui pendidikan, penulisan, akidah, dan juga modenisme Barat. Aktiviti yang dijalankan oleh kaum muda ini didokong oleh bukan sahaja seorang, malah beberapa orang yang berpengaruh dan mempunyai latar belakang yang baik. Misalnya Syed Tahir Jalaluddin dan ramai lagi.

Melalui pendidikan, Kaum Muda telah menyebarkan pemikiran dan pengaruh mereka. Mereka telah menubuhkan banyak madrasah²⁸ di sekitar Tanah Melayu pada abad ke-20. Misalnya Madrasah Al-Iqbal di Singapura (1907), Madrasah Al-Hadi di Melaka(1915), dan Madrasah Al-masyhur di Pulau Pinang (1919). Walaupun banyak

²⁸ Madrasah ialah pembaharuan dari sekolah pondok kepada pendidikan yang lebih moden iaitu memasukkan pelajaran baru seperti bahasa Inggeris dan ilmu Hisab. Lihat Ramlah Adam, *Maktab Melayu Melaka 1900-1922*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 4.

madrasah yang didirikan, namun hanya madrasah al-masyhur yang masih beroperasi sehingga kini.

Pembukaan madrasah yang bersifat baru dan moden memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu tentang kepentingan pendidikan Barat. Pada awal abad ke-20, sambutan sekolah Inggeris di kalangan orang Melayu adalah sangat kurang. Tidak ramai orang melayu yang ingin menghantar anak mereka ke sekolah Inggeris. Hal ini disebabkan kekhawatiran²⁹ masyarakat Melayu akan pengaruh budaya dan agama Barat. British tidak memberi galakan kepada orang Melayu untuk mendapat pendidikan Inggeris kerana ~~bimbang~~ mereka akan memberontak atau menentang Inggeris sekiranya mendapat pendidikan yang tiggi.

Dengan memasukkan budaya dan bahasa Barat dalam pendidikan madrasah, Kaum Muda beranggapan masyarakat Melayu akan lebih maju dari segi dunia dan akhirat.³⁰ Buktinya boleh dilihat pada tahun 1930 apabila permintaan untuk memasuki sekolah Inggeris telah meningkat. Kerajaan Inggeris terpaksa menyediakan tempat untuk orang Melayu di sekolah-sekolah inggeris yang telah mereka dirikan. Pendidikan Inggeris nyata telah memberi kehidupan yang lebih baik. Ini boleh dilihat melalui pengambilan pekerjaan dengan kerajaan sebagai kerani rendah dan sebagainya.

²⁹ Kasim Thukiman, *Malaysia Perspektif Sejarah dan Politik*, hlm. 79.

³⁰ Ibid.

Aspek penulisan juga dapat menyuarakan pemikiran dan pandangan Kaum Muda. Kaum Muda terpengaruh dengan gerakan islah yang dilakukan oleh Muhammad Abdurrahman yang telah membantu Jamaluddin Al-Afghani menerbitkan majalah *Al-Manar* di Perancis. Pengaruh dan peniruan yang dilakukan sudahpun dibincangkan pada halaman yang terdahulu. Penulisan Kaum Muda yang dapat dilihat sehingga hari ini adalah *Al-Imam* (1906), *Al-Ikhwan* (1926), dan *Saudara* (1928). Dalam majalah-majalah ini, Kaum Muda telah menyebarkan pandangan mereka tentang Kaum Tua, pemikiran baru, dan juga menyeru masyarakat kepada kemajuan yang mereka lihat ke arah Barat. Dalam majalah *Al-Ikhwan*, Syed Syeikh Al-Hadi misalnya telah menyumbangkan penulisannya seperti pentafsiran surah Al-Fatiyah secara bersiri.³¹ Tafsiran ini dibuat secara ayat demi ayat. Misalnya Surah Al-Fatiyah ayat ke-4 bermaksud:

Engkaulah kami meminta pertolongan bermula yang dikehendaki dengan meminta. Meminta pertolongan disini ialah pertolongan yang lemah sama sekali orang yang meminta pertolongan itu pada mengerja akan dia dan pertolongan pada menyempurnakan pekerjaan dan apa-apa yang lemah orang yang meminta pertolongan itu menyempurnakan dia dengan usaha ikhtiaranya sendiri.³²

Isi kandungan pentafsiran Surah Al-Fatiyah itu menyentuh tentang pegangan dan juga pandangan Kaum Muda dan sekaligus menyanggah dakwaan Kaum Tua.

Melalui modenisme Barat pula, terdapat banyak bukti bahawa Kaum Muda telah menyambut baik segala pembaharuan yang dibawa oleh Barat dan juga mereka yang terpengaruh dengan idea-idea dari Barat. Misalnya, Kaum Muda ini sangat

³¹ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 Julai 1928, hlm. 1.

³² Ibid.

menyokong dan bersetuju dengan apa sahaja yang dibawa oleh pihak Barat dan pengikutnya. Ini adalah kerana dalam keadaan belum pernah mendapat kehidupan yang sedemikian seperti orang Inggeris, maka mereka telah kelabu mata dan taksub dengan kemajuan serta ketamadunan Barat. Oleh itu, mereka akan menurut apa sahaja yang dibawa oleh modenisme barat pada ketika itu. Walaupun begitu mereka tidak boleh disalahkan sepenuhnya.

Pemikiran dan penerimaan yang tidak luas menyebabkan mereka telah terpengaruh dengan Inggeris dan menjadi orang suruhannya. Misalnya, *Al-Ikhwan* telah memberikan reaksi baik terhadap usaha yang dilakukan oleh Muhammad Kemal Attartuk.³³ Salah satu isu yang menjadi sokongan beliau ialah isu emansipasi wanita dengan memberi ruangan dalam akhbarnya berkenaan isu ini iaitu “Alam Wanita” dan sebagainya. Selain daripada *Al-Ikhwan*, akhbar lain yang memberikan reaksi positif ialah *Seruan Azhar*, *Pilihan Timur*, *Al-Hidayah*, dan sebagainya.

Reaksi Islah Oleh Masyarakat.

Hakikatnya segala perjuangan dan pengorbanan perlu mendapat ujian atau dugaan bagi menentukan tahap kecemerlangan. Begitu juga perjuangan Syed Syeikh Al-Hadi dan rakan-rakannya dalam menyebarkan pemikiran baru mereka kepada masyarakat Melayu pada ketika itu. Bangsa Melayu sangat terkenal dengan ketaatan

³³ Mustafa Kemal Atartuk. Beliau lahir di Salonica pada 1881. Bapanya ialah Ali Riza Efendi dan ibunya ialah Zubayde Hanim. Bapanya seorang kerani di pejabat Paus Solonica. Lihat Andrew J. Mango, *Ataturk*, London: Ankara University Press, 1963, hlm. 7.

kepada Sultan dan agama Islam. Maka tidak hairanlah Hang Tuah sanggup mengorbankan kepentingan diri dan orang sekelilingnya untuk sultannya. Namun ketaatan itu semakin berkurangan dari sehari ke sehari impak daripada kedatangan kuasa Barat yang telah melemahkan kuasa sultan itu sendiri.

Gerakan islah yang di bawa oleh Kaum Muda ini telah memperlihatkan kepada kita tentang tindakan Sultan yang selama ini telah mempergunakan rakyat untuk kepentingan sendiri. Menurut Syeikh Tahir Jalaluddin, kelemahan ulama³⁴ dalam pentadbiran agama Islam telah menyebabkan pegawai British campur tangan dalam pentadbiran. Beliau juga mengkritik sistem pendidikan yang dikendalikan oleh tokoh-tokoh agama ketika itu yang dikatakan sistem pendidikan yang kolot dan ketinggalan zaman.

Reaksi masyarakat di Tanah Melayu boleh dilihat daripada beberapa sudut iaitu reaksi sultan, Kaum Tua, masyarakat umum, dan juga reaksi dari kerajaan British. Reaksi daripada Sultan boleh dilihat daripada reaksi yang ditunjukkan oleh Sultan Kelantan. Baginda dikatakan dipengaruhi oleh golongan ulama yang nyatanya menentang perjuangan kaum muda ini. Beliau telah menegah rakyatnya daripada membaca majalah *Al-Ikhwan* dan majalah itu sekaligus telah dilarang daripada memasuki Kelantan.³⁵

³⁴ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 Nov 1926, hlm. 41.

³⁵ Petekan J, Penahanan *Al-Ikhwan* dan *Saudara* ke Kelantan, dlm. Petekan-petekan tulisan Sheiikh Al-Hadi dari Al-Imam dan Al-Ikhwan, tankripsi dari Jawa-Rumi oleh Syed Alwi 1927-1930, SP. 60/E/6, hlm. 50.

Reaksi Kaum Tua pula boleh dilihat melalui majalah *Al-Ikhwan* dengan jelas. Sejak awal tahun 1900-an perdebatan antara Kaum Muda dengan Kaum Tua³⁶ sering berlaku. Perdebatan yang berlaku antara kaum muda dan kaum tua ini boleh dilihat di dalam majalah *Al-Ikhwan* melalui sindiran sinis dan pelbagai anggapan yang negatif terhadap kaum tua.

Bagaimakah pihak tua itu tidak kalah kerana mereka jahil akan tuntutan-tuntutan ummah dan kemahuan ehwal dunia yang berbangkit menentang akan ugamanya. Hanya mereka hendak berkukuh kepada peraturan nenek moyang yang telah rapuh oleh lama itu sahaja serta leka bergaduhkan perkara kecil-kecil...³⁷

Reaksi dari Kaum Tua boleh dilihat daripada isu dan penulisan-penulisan mereka membincangkan percanggahan pendapat mereka dengan golongan Kaum Muda. Penulisan-penulisan ini digunakan bagi menyanggah isu atau kata-kata yang dikeluarkan oleh Kaum Muda.³⁸ Pertikaian pendapat antara Kaum Tua dan Kaum Muda sangat banyak, antara aspek yang menjadi pertikaian antara mereka ialah sembahyang tarawih dalam bulan Ramadan.³⁹ Kaum Tua mempertahankan 20 rakaat atau 23 rakaat dengan witir. Kaum Muda mengerjakan tarawih 8 rakaat atau 11

³⁶ Istilah Kaum Tua adalah golongan ulama yang tetap dengan pendiriannya dengan mengikut salah satu mazhab yang empat dalam fiqh. Dunia Melayu berpegang dengan Mazhab Syafie. Dalam akidah pula ialah Ahlus Sunnah yang berpedoman pada dua orang imam iaitu Imam Abu Hasan al-Asy'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi. Dalam tasawuf Kaum Tua berimamkan Syeikh Junaid Al-Baghdadi. Lihat Saidul Amin, "Perdebatan Kaum Tua dan Kaum Muda di Minangkabau Dalam Beberapa Masalah Pemikiran Islam", hlm. 57.

³⁷ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 Oktober 1928, hlm. 48.

³⁸ Kaum Muda ialah golongan yang terpengaruh dengan pemikiran Syeikh Muhammad Abduh dan Sayid Rasyid Ridha di Mesir. Istilah Kaum Muda ini juga disebut sebagai istilah Tajdid (pembaharuan) atau istilah Reformis.

³⁹ Petikan O, Solat Tarawih, dlm. Petikan-petikan tulisan Sheikh Al-Hadi dari *Al-Imam* dan *Al-Ikhwan*, trankripsi dari Jawa-Rumi oleh Syed Alwi 1927-1930, SP. 60/E/6, hlm. 61.

dengan witir. Sungguhpun ramai orang melemparkan segala yang dipertikaikan adalah berasal daripada golongan yang mereka namakan Wahabi, ternyata di Masjid al-Haram, Mekah, sembahyang tarawih dan witir juga dilakukan 23 rakaat, bukan 11 rakaat tarawih dengan witir.

Reaksi yang seterusnya ialah reaksi yang ditunjukkan oleh pihak British terhadap gerakan islah. Reaksi yang ditunjukkan oleh pihak British boleh dilihat daripada kerjasama yang diberikan dalam menerbitkan penulisan majalah agama yang bersifat islah. Majalah yang dimaksudkan ialah majalah Al-ikhwan. Pihak British telah menerbitkan majalah ini melalui *The British Malaya Company*⁴⁰ pada 1926 dan kemudiannya pada tahun 1927 diterbitkan pula oleh *Jelutong Press* syarikat Syed Syeikh Al-Hadi.

Kesimpulan

Jika dilihat secara teliti, masyarakat Tanah Melayu seakan tidak dapat lari daripada membincangkan isu pemikiran islah yang pada ketika itu menjadi berita paling hangat di akhbar dan juga majalah. Walaubagaimanapun, pelbagai reaksi yang telah ditunjukan bagi mempamerkan rasa tidak senang atau rasa setuju dengan pembaharuan yang telah dibawa. Reaksi tersebut akan melambangkan corak pemikiran seseorang samaada masih ditahap lama atau telah dicampuri dengan kemajuan serta keinginan untuk berjaya.

⁴⁰ Talib Samat, *Syed Syeikh Al-hadi: Sasterawan Progresif Melayu*, hlm. 23.

Pemikiran islah membawa keadaan yang lebih baik berbanding dengan modenisme agama yang membawa penyelewengan. Tidak semua pemodenan dari barat itu adalah buruk, namun perlu disesuaikan dengan pegangan yang asal. Penulis mengaitkan modenisme dengan pendekatan islah di Tanah Melayu adalah untuk memperlihatkan gambaran yang lebih jelas kepada pembaca tentang islah itu sendiri. Gerakan islah pada tahap tajdid atau reformis tidak boleh dikatakan modernisme agama. Ini kerana islah reformis membawa perubahan dalam bidang agama dan juga keduniaan serta memberi kesan yang baik kepada masyarakat. Oleh itu kaitan antara islah dan modernisme agama adalah salah satu cara untuk kita melihat fungsi dan peranan islah sebenar atau palsu di kalangan masyarakat.

Penulis melihat bahawa pemikiran islah ini telah mengubah kehidupan dan juga corak pemikiran orang Melayu sedikit demi sedikit. Walaupun pada mulanya segelintir orang Melayu tidak dapat menerima perubahan dan juga pemodenan yang telah dibawa oleh Kaum Muda, namun akhirnya mereka akur dan sedar atas kelebihan yang dibawa daripada perubahan dan juga kemajuan. Misalnya berkenaan pendidikan yang diperkenalkan oleh Syed Sheikh Al-Hadi. Kesan daripada penerimaan sistem pendidikan madrasah, maka orang Melayu semakin berani untuk menghampiri sistem pendidikan Barat. Buktinya, peningkatan dan permintaan untuk ke Sekolah Inggeris oleh orang Melayu kian bertambah pada era 1930an.

BAB 3

SYED SHEIKH AL-HADI DAN MAJALAH *AL-IKHWAN*

Pengenalan

Bab yang ketiga ini akan menyentuh tentang peranan Syed Sheikh Al-Hadi. Penulis akan menceritakan latar belakang, pendidikan, pengalaman, dan juga keluarga Syed Sheikh Al-Hadi. Latar belakang beliau ini akan dikaji untuk meneliti kebolehan dan juga tindakan yang telah dilakukan oleh beliau selepas itu. Kemudian penulis akan menyentuh tentang pengaruh pemikiran yang telah bersarang dalam minda beliau. Pengaruh dan pemikiran beliau ini perlu dikaji kerana pemikiran beliau inilah yang telah menerbitkan majalah *Al-Ikhwani* dan seterusnya pemikiran islah dalam majalah tersebut. Pemikiran beliau dikatakan telah dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya, pengaruh daripada bapa angkatnya Raja Ali Haji. Kemudiannya Syed Muhammad Abduh dan juga British.

Seterusnya kita akan melihat perubahan yang cuba di bawa oleh majalah *Al-Ikhwani* kepada masyarakat. Perubahan yang nyata telah dibawa oleh Kaum Muda ini ialah dari segi pendidikan kaum wanita dan juga corak pendidikan itu sendiri. Selain itu beliau juga telah menggalakkan ijтиhad dengan menyeru umat Islam agar kembali kepada Al-Quran dan Sunnah. Akhir sekali bab ini akan menyentuh tentang sumbangan yang telah diberikan oleh Syed Sheikh Al-Hadi melalui majalah *Al-Ikhwani*. Beliau telah menjadi pengasas islah reformis. Selain itu, beliau telah memberikan kesedaran dan membuka pemikiran masyarakat isu-isu luar negara.

CARTA 1

SALASILAH KETURUNAN SYED AHMAD BIN HASSAN AL-HADI



SUMBER:

Riwayat Hidup Syed Sheikh bin Ahmad bin Hassan Al-Hady Oleh Anaknya: Alwi bin Sheikh Al-Hady, Sp 24/1, hlm. 1 dan Talib Samat, *Syed Syeikh Al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 1.

Sejarah Hidup Syeikh Al-Hadi

Syed Sheikh Al-hadi atau nama sebenarnya iaitu Syed Syeikh bin Ahmad bin Hassan bin Saggaf Al-Hadi telah dilahirkan pada petang selasa bersamaan 25 Rejab 1284 Hijrah bertempat di Kampung Hulu, Melaka.¹ Beliau juga dikenali dengan gelaran Engku Anum di Riau dan Wan Anum di Singapura.² Bapanya bernama Syed Ahmad bin Hassan Al-Hadi adalah berketurunan Arab yang berasal daripada Hadramaut. Syed Ahmad lahir pada 1 Syawal 1253 Hijrah dan meninggal dunia pada 15 Zulhijjah 1312 Hijrah di Pulau Penyengat, Riau dan dikebumikan di sana.

Syed Ahmad telah mendirikan rumah tangga dengan perempuan Melayu Melaka pada 1275 Hijrah. Hasil perkahwinan itu mereka dikurniakan tujuh orang anak iaitu tiga lelaki dan empat perempuan. Anak yang pertama bernama Hassan Al-Hadi yang lahir pada 1275 Hijrah dan meninggal dunia pada 1290 Hijrah. Anak yang kedua ialah Sharifah Noor Al-Hadi yang lahir pada 1276 Hijrah dan meninggal dunia pada masa kecilnya. Anak yang ketiga ialah Sharifah Salmah Al-Hadi yang lahir pada 1281 Hijrah dan telah meninggal dunia pada 1288 Hijrah. Anak keempat ialah Syed Sheikh Al-Hadi yang menjadi perbincangan kita kini. Manakala anak kelima ialah Fatma Al-Hadi yang lahir pada 1287 Hijrah yang juga meninggal semasa kecil. Anak keenam ialah Sharifah Noor Al-Hadi yang lahir pada 1309 Hijrah. Anak bongsu pula ialah Syed Hussien Al-Hadi yang lahir pada 1312 Hijrah.

¹ Riwayat Hidup Syed Sheikh bin Ahmad bin Hassan Al-Hady Oleh Anaknya: Alwi bin Sheikh Al-hady, SP. 24/1, hlm. 1.

² Talib Samat, *Syed Syeikh Al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 1.

Syed Sheikh Al-Hadi telah berkahwin dengan sepupunya iaitu Sharifah Sheikun benti Muhammad Al-hadi di Pulau Penyengat pada 1309 hijrah.³ Mereka dikurniakan empat orang anak yang terdiri daripada dua lelaki dan dua perempuan. Anak yang sulung diberi nama Alwi bin Sheikh Al-Hadi, yang kedua bernama Ahmad bin Sheikh Al-Hadi, yang ketiga ialah Aishah benti Sheikh Al-Hadi, dan yang bongsu Umhani benti Sheikh Al-Hadi. Beliau telah mendirikan rumah tangga yang kedua dengan seorang perempuan Melayu dari Singapura dan anak itu diberi nama Mariam benti Sheikh Al-Hadi.⁴

Semenjak beliau berumur tujuh tahun, ayahnya dan adinda ayahnya, Syed Muhammad telah berpindah ke Pulau Penyengat iaitu pada tahun 1291 Hijrah.⁵ Syed Muhammad telah berkahwin dengan Sharifah Hashimah benti Othman Al-Sagaff yang berasal daripada keturunan Daeng Chelak pada 1293 Hijrah (bersamaan 1916 Masihi). Mereka dikurniakan lapan orang anak yang terdiri daripada dua orang lelaki dan enam orang perempuan. Anak lelaki mereka bernama Sagaf dan Hassan. Sementara anak perempuan mereka pula bernama Sharifah Sheikun, Sharifah Aishah, Sharifah Maznah, Sharifah Fatmah, Sharifah Aloyah, dan Sharifah Zeinab.

Keluarga Syed Syeikh Al-Hadi dikatakan sangat rapat dengan Yang Di Pertuan Besar Riau pada ketika itu iaitu Almarhum Yang Teramat Mulia Raja Haji

³ Riwayat Hidup Syed Sheikh bin Ahmad bin Hassan Al-Hady Oleh Anaknya: Alwi bin Sheikh Al-hady, SP. 24/1, hlm. 3.

⁴ Ibid., hlm. 4.

⁵ Ibid., hlm. 2.

Ali ibni Almarhum Yang Di Pertuan Besar Muhammad Yusof Al-Ahmadi.⁶ Beliau juga terkenal dengan gelaran Raja Ali Haji. Beliau juga terkenal dengan gelaran Raja Ali Haji. Faktor yang menyebabkan hubungan yang rapat ini adalah sangat berkait rapat dengan peranan keluarga keturunan Arab ini untuk menyebarkan agama Islam dan mendapat tempat yang istimewa di Tanah Melayu dan juga Riau.⁷

Syed Sheikh Al-Hadi dikatakan telah menghabiskan masa remajanya untuk berkhidmat kepada bapa angkatnya, Raja Ali Haji dan keluarga diraja Riau-Lingga di Pulau Penyengat. Walaupun begitu, pendidikannya tidak pernah terabai dan beliau banyak mendapat tunjuk ajar daripada Raja Ali Haji. Misalnya dalam bidang pentadbiran, agama, dan juga kesusasteraan. Raja Ali Haji⁸ adalah pengarang *Silsilah Melayu dan Bugis dan Sekalian Raja-rajanya* dan *Tuhfat Al-Nafis*. Seterusnya kita akan lihat latar belakang pendidikan Syed Syeikh Al-Hadi.

Syed Sheikh Al-hadi telah mendapat pendidik awalnya daripada bapanya sendiri Syed Ahmad dari segi membaca dan menulis dalam bahasa Arab.⁹ Kemudiannya beliau telah dihantar ke Sekolah Melayu, Melaka dan bersekolah agama di Melaka juga. Seterusnya beliau mengikut bapanya ke Pulau Penyengat dan

⁶ Raja Ali Kelana atau Raja Ali Haji lahir pada 1808 dan meninggal pada 1870. Beliau adalah seorang tokoh yang sangat terkemuka. Beliau dikatakan mempunyai bakat dalam pelbagai bidang. Antaranya yang dibincangkan ialah dalam bidang sasterawan, ahli bahasa, ahli sejarah, ahli agama, dan juga mahir dalam politik serta undang-undang. Raja Haji Ali Kelana dikatakan telah mengilhamkan gerakan kaum Muda di Singapura. Beliau berpendapat bahawa ramai di kalangan mereka yang mendalamai agama bukannya untuk menghayati agama dan mendekati diri kepada Allah, tetapi sebaliknya hendak lari dari realiti yang ada disekeliling mereka. Keterangan lanjut sila rujuk Firdaus Haji Abdullah, Pengenalan Ringkas Terhadap Tokoh Pelbagai Bakat: Raja Ali Haji, dlm. Firdaus Haji Abdullah, *Kepimpinan Melayu: Satu Rakaman Kewartawanan*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1985 , hlm. 139-140.

⁷ Talib Samat, *Syed Syeikh Al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*, hlm. 2.

⁸ Alijah Gordon, *The Real Cry of Syed Shaykh Al-Hady*, Kuala Lumpur: Malaysia Sociological Research Institute, 1999, hlm. 110.

⁹ Talib Samat, *Syed Syeikh Al-hadi: Sasterawan Progresif Melayu*, hlm. 4.

bersekolah di sana ketika berumur tujuh tahun. Kemudiannya dengan pengaruh dan keakraban antara keluarganya dengan Yang Dipertuan Besar Riau-Lingga pada ketika itu, beliau telah diambil sebagai anak angkat oleh Raja Ali Haji.

Raja Ali Haji telah memberi pendidikan yang sempurna kepada Syed Sheikh Al-Hadi. Beliau telah diberikan peluang untuk bersekolah di Sekolah Melayu di Pulau Penyengat. Bapa Syed Syeikh Al-Hadi, Syed Ahmad kemudiannya telah menghantar beliau ke Terengganu untuk mendalami ilmu agama dan bahasa Arab. Ini kerana Kelantan dan Terengganu mempunyai sistem pendidikan pondok yang termashyur dan tidak dapat ditandingi pada ketika itu.¹⁰ Selain itu, beliau juga dihantar untuk belajar di sana memandangkan pakciknya Syed Muhammad telah berumah tangga dan menetap di Terengganu.

Walaupun begitu, menurut catatan yang ditulis oleh anaknya Syed Alwi ketika bertemu Syed Abdul Kadir Al-Idrus yang bergelar Engku Pangeran Anum Terengganu, Syed Syeikh Al-Hadi tidak begitu berminat dengan pembelajaran yang telah diberikan. Beliau banyak menghabiskan masanya dengan bermain dan berkawan dengan anak-anak raja yang memerintah Terengganu pada ketika itu. Syed Abdul Kadir Al-Idrus telah menuntut di Sekolah Pondok yang sama dengan Syed Sheikh Al-Hadi di Terengganu.

Beliau belajar di Terengganu hanya untuk beberapa tahun sahaja dan kemudiannya telah dipanggil balik oleh ayah angkatnya ke Pulau Penyengat.¹¹ Syed

¹⁰ Riwayat Hidup Syed Sheikh bin Ahmad bin Hassan Al-Hady oleh anaknya: Alwi bin Sheikh Al-Hady, SP. 24/1, hlm. 2.

¹¹ Ibid., hlm. 3.

Syeikh Al-Hadi dikatakan seorang yang suka bertanya dan mengetahui perkara-perkara yang baru. Malah beliau berpendapat bahawa kelayakan seorang guru itu dilihat daripada sikap yang suka untuk menerima pertanyaan daripada muridnya. Seperti yang kita ketahui bahawa sistem pondok lebih tertumpu kepada hafalan dan bukannya perbincangan. Oleh itu sebarang persoalan tidak digalakkan dan dikhuatir akan terjerumus kepada kufur.

Di Pulau Penyengat inilah ayah angkatnya Raja Ali Haji telah memberi banyak tunjuk ajar kepada beliau dalam bidang kebudayaan Melayu, bahasa, dan juga ilmu agama.¹² Beliau telah berada di Pulau Penyengat sehingga dewasa dan telah banyak bergaul dengan anak-anak raja Riau dan juga pembesarnya. Misalnya Sultan Abdul Rahman, saudara kepada ayah angkatnya. Beliau juga dikatakan ada menuntut dengan Almarhum Allamah Al-Ustaz Tuan Haji Hussain yang terkenal di Pulau Penyengat dan juga Riau.¹³

Beliau dikatakan telah banyak berkhidmat dengan keluarga diraja Riau-Lingga sehingga beliau kemudiannya dilantik menjadi pengurus dan pengiring anak-anak raja Riau-Lingga untuk pergi melanjutkan pelajaran ke Mesir dan Tanah Arab.¹⁴ Setiap kali beliau menghantar anak-anak raja tersebut, beliau terpaksa tinggal beberapa bulan di sana bagi memastikan mereka mesra dan biasa dengan keadaan di sana. Peluang itu digunakan olehnya untuk menambahkan pengetahuannya dan berkenalan dengan alim ulama di sana. Misalnya Syeikh Muhammad Abduh dan Syed

¹² Ibid., hlm. 3.

¹³ Ibid., hlm. 5.

¹⁴ Ibid.

Muhammad Rasyid Redha. Beliau telah terpengaruh dan terkesan dengan pemikiran tokoh tersebut dan akhirnya membawa pemikiran itu ke Tanah Melayu. Selain itu, beliau juga telah dilantik menjadi ketua kepada rumah wakaf iaitu rumah persinggahan para pelancong yang datang melawat ke istana.¹⁵ Melalui cara ini, beliau mendapat peluang untuk bergaul dengan para pelancong yang rata-ratanya terdiri daripada para ulama.

Pada tahun 1908, Encik Benson yang menjadi Pengurus Besar Syarikat Batu Bata Raja Ali Haji di Pulau Batam telah diberhentikan dan digantikan dengan Syed Syeikh Al-Hadi.¹⁶ Syed Sheikh Al-Hadi pada mulanya terpaksa berulang alik ke Singapura, namun masih juga meneruskan tugasnya sebagai pengurus anak-anak raja Riau untuk pergi belajar ke Mesir. Di Singapura, beliau telah berjaya mengumpulkan ulama yang sudi untuk bergerak bersama-sama dengannya.¹⁷ Mereka ialah Mohammad Tahir Jalaluddin, Abbas Taha, dan ramai lagi. Majalah *Al-Manar* oleh Syeikh Muhammad Abduh telah memberi kesan yang mendalam terhadap Syed Sheikh Al-hadi dan rakan-rakannya yang kemudiannya telah menerbitkan Majalah *Al-Imam* pada tahun 1906, *Al-Ikhwan* (1924), dan seterusnya *Saudara*.

Pada 1909 pula, beliau telah dilantik menjadi peguam di Mahkamah Syariah Johor Bharu iaitu ketika umurnya 42 tahun. Beliau telah berhenti dari pekerjaan ini pada 1915 kerana beberapa faktor. Beliau akhirnya menumpukan perhatiannya kepada majalah *Al-Imam* hingga pada tahun 1908 penerbitan majalah itu terhenti kerana

¹⁵ William R. Roff (Terj. Ahmad Boestamam), *Nasionalisme Melayu*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2003, hlm. 67.

¹⁶ Riwayat Hidup Syed Sheikh bin Ahmad bin Hassan Al-Hady oleh anaknya: Alwi bin Sheikh Al-Hady/SP. 24/1, hlm. 7.

¹⁷ Ibid., hlm. 8.

masalah kewangan. Kemudian beliau telah kembali ke kampung halamannya di Melaka untuk terus berdakwah dengan mendirikan Madrasah Al-Hadi. Beliau tidak mendapat sambutan di Melaka dan berhijrah ke Pulau Pinang. Di Pulau Pinang beliau mendirikan Madrasah Al-Masyhur, menerbitkan novel-novel, dan juga Majalah *Al-Ikhwan*.

Syed Sheikh Al-Hadi memberi banyak sumbangan kepada Tanah Melayu pada ketika itu dengan munculnya akhbar pertama yang bersifat keagamaan. Dalam keadaan tidak disedari beliau juga telah menyebabkan satu gelanggang perbincangan dan juga perlumbaan memahami Islam dalam erti kata yang sebenarnya. Pemikiran masyarakat kini lebih terbuka dengan adanya perbincangan dan tidak terlalu taksub dan mengikut membabi buta. Syed Syeikh Al-Hadi akhirnya telah menghembuskan nafasnya yang terakhir pada 6 Zulkaedah 1352 Hijrah bersamaan dengan 20 Febuari 1934 di kediamannya No. 410, Jelutong Road, Mukim Jelutong, Pulau Pinang pada jam 10.10 malam hari rabu.¹⁸

Pengaruh dan Pemikiran Syed Syeikh Al-Hadi

Kita telah melihat latar belakang Syed Syeikh Al-Hadi dari segi politik, kekeluargaan, ekonomi, dan juga pendidikan beliau. Beliau tidak mempunyai latar belakang pendidikan tinggi yang formal. Malah beliau memperolehi pendidikan melalui bergaul rapat dengan para ilmuwan dan memperolehi pendidikan secara tidak formal. Misalnya beliau sangat rapat dengan bapa angkatnya Raja Ali Haji yang kita sedia maklum adalah seorang yang sangat berbakat dalam pelbagai bidang.

¹⁸ Ibid., hlm. 1.

Kemudiannya beliau secara tidak sengaja telah berpeluang bertemu dengan Syeikh Muhammad Abduh dan juga Rashid Redha dan belajar dengannya pada 1849-1905 di Kaherah, Mesir¹⁹ semasa mengantar anak-anak raja Riau untuk belajar di sana.

Memperolehi pendidikan seperti ini kadang-kala dianggap sebagai tidak mencukupi. Namun seimbas lalu jika kita perhatikan beliau bukan sahaja seorang diri dalam memperjuangkan apa yang ingin beliau ketengahkan. Malah beliau dibantu oleh cerdik pandai yang kita maklumi bahawa mereka itu mempunyai kebolehan dan pendidikan yang boleh dibanggakan. Sebuah kejayaan pastinya tidak akan mampu untuk dikecapi jika hanya seorang diri. Oleh itu, setiap apa yang diusahakan oleh beliau ini diadaptasikan bersama kumpulannya yang digelar Kaum Muda. Kaum Muda ini rata-ratanya adalah mereka yang memperolehi pendidikan dari Timur Tengah.

Pemikiran Syed Syeikh Al-Hadi jika dilihat dan dikaji banyak dipengaruhi oleh apa yang telah diperolehi daripada perantauannya ke serata tempat yang beliau pergi. Beliau berasal dari Melaka kemudiannya berhijrah ke Pulau Penyengat, Timur Tengah, Singapura, dan akhirnya mengembangkan pemikirannya di Pulau Pinang. Pastinya kita tertanya-tanya mengapa beliau tidak berjaya menyebarkan pemikirannya di kampung halamannya sendiri iaitu Melaka.

Pada awal abad ke-20, Melaka adalah sebuah negeri yang berpegang teguh dengan pegangan Mazhab Syafie dan dikuasai oleh ulama tradisional.²⁰ Oleh kerana

¹⁹ Shahrom TM Sulaiman, "Jaringan Pengaruh Luar Terhadap Pemikiran dan Sikap Syed Syeikh Al-hadi: Pemerhatian Awal", dlm. Sohaimi Abdul Aziz et.al, *syed Syeikh Al-Hadi: Cendekia dan Sasterawan Ulung*, Ketua Editor, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2003, hlm. 63.

pembaharuan yang ingin dibawa oleh Syed Syeikh Al-Hadi terlalu mendadak, maka mereka tidak menerimanya. Ditambah lagi dengan pengharaman mencetak dan menerbitkan persuratan tentang Islam oleh British di Selangor, Perak, dan Negeri Sembilan telah menghalang beliau menyebarkan fahamannya dengan lebih luas.²¹

Jika dilihat, beliau sangat terpengaruh dengan bapa angkatnya Raja Haji Ali Kelana dan juga suasana Riau pada masa itu. Pada masa itu iaitu bermula dari era awal abad ke-19 hingga ke-20, Riau menjadi pusat kesusateraan yang teragung.²² Tidak hairanlah bakat menulis dan mengarang novel yang ada pada beliau diperolehi dari riau. Beliau juga telah belajar dengan Raja Ali Haji yang cukup mahir dalam penulisan. Banyak penulisan yang telah dihasilkannya, antaranya ialah *Tuhfat Al-Nafis*. Bukti bahwa beliau pernah berguru dengan bapa angkatnya ini terdapat dalam *Al-Ikhwan* yang menyebut:

Allah memberi rahmat akan dikau wahai bapaku dan guruku dan yang memelihara memasukkan pengetahuan dan perasaan ke dalam hatiku yang Amat Mulia Raja Ali Ibni Almarhum Ahmadi...²³

Selain itu, pemikiran islah yang dipelopori oleh Muhammad Abduh juga telah menarik perhatian Syed Syeikh Al-Hadi dan sahabat-sahabatnya. Perkara ini telahpun dinyatakan dalam bab sebelumnya. Namun eloklah kita melihatnya sekali lagi untuk mengukuhkan lagi fakta yang digunakan. Beliau dan rakan-rakannya sangat terkesan

²⁰ Ulama tradisional bermaksud mereka yang telah membentuk perkumpulan tareqat dan lebih kepada aliran tasawuf. Mereka menolak kemajuan sains dan pemodenan kerana dikatakan banyak unsur yang bercanggah dengan akidah dan syariat. Mereka mempunyai pegangan yang kuat terhadap mazhab dan tidak menggalakkan ijihad. Keterangan lanjut sila rujuk Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2001, hlm. 106.

²¹ William R. Roff (Terj. Ahmad Boestamam), *Nasionalisme Melayu*, hlm. 101.

²² Talib Samat, *Syed Syeikh Al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*, hlm. 30.

²³ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 Julai 1928, hlm. 349.

dengan pendidikan sekular yang dibawa oleh Muhammad Abduh. Muhammad Abduh telah menggalakkan ummat Islam menggunakan ilmu-ilmu moden atau sekular namun masih tetap mengutamakan ilmu-ilmu Islam dan bahasa Arab.

Syed syeikh Al-Hadi telah mengasaskan pendidikan madrasah hasil daripada terkesan dengan pemikiran Muhammad Abduh. Sistem pendidikan madrasah telah membawa mata pelajaran Bahasa Inggeris, ilmu hisab dan banyak lagi ke dalam pendidikan tradisional Alam Melayu. Sistem ini kemudiannya telah ditiru oleh sekolah pondok yang lain. Madrasah yang diasaskan oleh beliau antaranya ialah Madrasah al-Masyhur, Pulau pinang.

Selain itu, cara pemikiran islah Syeikh Muhammad Abduh disalurkan melalui Majalah *Al-Manar* di Perancis. Tindakannya ini tidak kurang juga telah ditiru oleh Syed Sheikh Al-Hadi dengan menerbitkan majalah *Al-Imam*, *Al-Ikhwan*, dan juga *Saudara*. Malah perkataan *Al-Imam* itu sendiri dikatakan sebagai menghargai jasa Syeikh Muhammad Abduh dengan mengambil tema namanya. Melalui majalah tersebut beliau telah memasukkan kefahaman baru tentang kemajuan masyarakat, emansipasi wanita, dan juga berita tentang negara luar untuk meningkatkan kesedaran dalam diri masyarakat Melayu ketika itu.

Menurut Shaharom TM Sulaiman, Syed Syeikh Al-Hadi mempunyai pandangan yang positif terhadap British dan terpengaruh dengannya. Syed Sheikh Al-Hadi berpendapat bahawa masyarakat Melayu adalah lebih baik berada di bawah naungan British daripada berada di bawah kuasa Raja-raja Melayu yang dikatakan hanya mementingkan diri sendiri dan banyak melakukan kesalahan. Pandangan ini

adalah berikutan pengabaian Raja-raja Melayu dalam bidang ekonomi dan juga pendidikan.

Beliau dikatakan menyanjungi pihak British dari segala segi. Perkara ini mungkin berlaku kerana beliau telah mendapat bantuan oleh pihak British ketika berada di Pulau Pinang dan mengendalikan syarikat percetakannya dengan tenang. Ditambah lagi oleh suasana jumud di kalangan masyarakat Melayu pada ketika itu jika dibandingkan dengan pencapaian British.

Satu daripada haluan kerajaan Inggeris dalam pertahankan di serata alam British empayar ini ialah tiada mahu mengganggu dan campur pada perkara ugama walau dalam negerinya sendiri sekalipun dalam negeri-negeri jajahan takluknya yang berupa agama lain. Maka inilah seelok-eloknya jalan dalam perintahan kerajaan maha besar ini. Bertuahlah Negeri-negeri Selat diperintah Inggeris....²⁴

Syed Sheikh Al-hadi juga dikatakan terlalu taksub dengan kemajuan barat. Buktinya beliau menerima semua pembaharuan barat itu sebagai langkah yang betul. Misalnya berikutan apa yang terjadi kepada Negara Turki. Pelbagai pembaharuan yang telah dilakukan di Turki pada era pemodenannya, misalnya dalam aspek pendidikan, undang-undang, agama, dan sosial di Turki. Dari segi pendidikan Kemal memperkenalkan pendidikan sekular di Turki. Beliau mengharamkan penggunaan bahasa Arab dan tulisan Arab dan digantikan dengan bahasa Turki serta tulisan rumi. Selain itu, beliau menukar azan dalam bahasa Turki, memperkenalkan perkahwinan sivil yang membolehkan pasangan pengantin mendaftar tanpa bernikah terlebih dahulu, dan juga pemakaian tarbus serta tudung bagi wanita diharamkan.

²⁴ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 Oktober 1928, hlm. 50.

Akhbar *Al-Ikhwan* yang dipelopori oleh Syed Shaykh Al-Hadi telah memberikan reaksi yang positif terhadap pembaharuan yang telah dibuat. Beliau menyokong sepenuhnya usaha yang dilakukan oleh Kemal. Salah satu isu yang menjadi sokongan beliau ialah isu emansipasi wanita dengan memberi ruangan dalam akhbarnya berkenaan isu ini iaitu “Alam perempuan”²⁵.

Perubahan Masyarakat Melalui Majalah *Al-Ikhwan*

Syed Syeikh Al-Hadi telah banyak membawa perubahan kepada masyarakat Melayu abad ke-20 yang membawa kesan sehingga hari ini. Jika dilihat, pemodenan Barat amat sukar untuk diterima dalam kehidupan masyarakat Melayu pada suatu ketika dulu. Misalnya budaya dan juga pendidikan Barat. Namun, dengan perubahan dan pemikiran yang dibawa oleh beliau, akhirnya masyarakat Melayu telah mula menerima dan membuka minda mereka dengan lebih luas, misalnya dengan penerimaan pendidikan Inggeris pada 1930-an. Tidak dinafikan bahawa pembawaan yang beliau sarankan telah mendapat tentangan, namun dengan azam yang kuat beliau meneruskan perjuangannya sehingga ke akhirnya.

Banyak perubahan yang dibawa oleh Syed Syeikh Al-Hadi boleh dilihat melalui majalah *Al-Ikhwan* iaitu dari segi sosial dan hal ehwal agama. Namun kita hanya akan melihat perubahan yang dibawa oleh beliau melalui pendidikan yang diasaskan oleh beliau dan pemikiran agama melalui penulisan beliau yang akan dilihat melalui majalah *Al-Ikhwan*. Ini kerana perubahan lain yang dilakukannya melalui Majalah *Al-Ikhwan* akan dijelaskan dengan lebih terpeinci dalam bab yang seterusnya.

²⁵ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 December 1926, hlm. 76.

Beliau telah mengubah sistem pendidikan tradisional masyarakat Melayu. Kaum Muda dikatakan tidak menolak sistem pendidikan sekular yang dibawa oleh barat.²⁶ Beliau telah menggalakkan pendidikan diberikan kepada kaum wanita dan mengasaskan pendidikan madrasah. Pendidikan kepada kaum wanita akan dibicangkan dalam bab yang seterusnya.

Madrasah yang diasaskan oleh beliau antaranya ialah Madrasah Al-Iqbal (1907), Madrasah Al-Hadi (1917), dan Madrasah Al-Masyhur (1919). Madrasah ini menggunakan bahasa Arab dan tenaga pengajarnya adalah daripada Kaum Muda yang sama-sama mendapatkan pengajaran daripada Syed Muhammad Abduh di Mesir. Madrasah-madrasah ini nyatanya telah melahiran tokoh-tokoh reformis yang baru dan berkualiti pada masa hadapan, antaranya ialah Dr. Burhanuddin Al-Hilmy dan Haji Abu Bakar Ashaari.²⁷

Dari sudut keagamaan, Syed Syeikh Al-Hadi juga telah menunjukkan banyak pembaharuan. Beliau menyarankan agar umat Islam kembali kepada Al-Quran dan Hadis setelah banyak penyelewengan yang telah berlaku. Mereka berpandangan bahawa tidak ada seorang pun di dalam dunia ini yang maksum²⁸ dan terpelihara dari melakukan kesalahan. Tidak semua perkataan dan saranan para ulama itu betul dan masyarakat seharusnya kembali kepada Al-quran dan juga Hadis.

²⁶ Chandra Muzaffar (Terj. Adibah Amin), *Kebangkitan Semula Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1988, hlm. 10.

²⁷ Talib Samat, *Syed Syeikh Al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*, hlm. 46.

²⁸ Maksum bermaksud terpelihara dari melakukan kesalahan. Maksum adalah salah satu sifat para Nabi.

Hampir kesemua masyarakat Melayu pada masa itu taksub dengan ulama dan hanya mengikut apa yang diperkatan oleh mereka secara membabi buta. Menganalisis dan juga mengkaji sendiri isi kandungan Al-Quran dan juga Hadis adalah tuntutan dalam Islam. Namun ada satu perkara yang perlu ditelusuri di sini, yang akan menjadi persoalan yang menarik. Sejauh mana kita boleh menerima pandangan dan juga pemikiran ulama dan juga mampukah kita untuk mentafsirkan sendiri apa yang terkandung di dalam Al-Quran dan juga Hadis.

Al-Quran dan juga Hadis adalah wasiat yang ditinggalkan oleh rasullah kepada ummatnya. Manakala ulama pula adalah waris para nabi. Kita maklumi bahawa tidak ada sesiapa yang sempurna di dunia ini dan boleh mengelak dari melakukan kesilapan. Namun bagi sesiapa yang cukup syaratnya untuk memikul tanggungjawab sebagai ulama yang akan mengijtihadkan²⁹ hukum-hukum baru dan juga menerangkan apa sebenarnya yang terkandung di dalam Al-Quran, beliau boleh mengeluarkan ijтиhadnya sendiri tanpa memaksa orang lain untuk mengikutinya. Sekiranya ijтиhadnya itu betul beliau akan mendapat dua pahala³⁰ dan jika ijтиhadnya salah beliau tetap akan mendapat satu pahala.

Syed Syeikh Al-Hadi menyebarkan pandangannya ini melalui majalah *Al-Ikhwan* melalui artikel “kitab ugama Islam dan akal”.³¹ Beliau menyatakan bahawa tidak ada sesiapa di dalam dunia ini yang boleh memaksa orang lain untuk mengikut

²⁹ Ijtihad bermaksud perbuatan bersungguh-sungguh untuk mengeluarkan pendapat terhadap hukum-hukum baru yang tidak terdapat dalam Al-Quran.

³⁰ Pahala adalah sejenis ganjaran yang akan diberikan oleh tuhan dalam bentuk yang tidak boleh dilihat oleh manusia.

³¹ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 September 1930, hlm. 15.

iktikadnya. Masyarakat seharusnya berseru kepada kebenaran dan kebaikan samaada dengan perkataan atau tulisan dan tidak kira samaada diterima ataupun tidak. Beliau juga berseru bahawa Nabi Muhammad sendiri tidak diberikan kuasa untuk memaksa umatnya supaya mengikut segala ajarannya inikan pula ulama yang langsung tidak mempunyai kuasa.³²

Sumbangan Melalui Majalah *Al-Ikhwan*.

Perubahan yang dibawa oleh Syed Syeikh Al-Hadi boleh dikategorikan dalam islah reformis. Dalam bab yang pertama kita telah melihat apakah yang dimaksudkan dengan islah reformis. Islah reformis bermaksud, ulama yang mengaplikasikan islah reformis tidak melihat sesuatu perubahan dari sudut agama sahaja tetapi dari pelbagai sudut. Contohnya pengaruh barat yang tidak sampai boleh menjelaskan akidah. Syed Syeikh Al-Hadi adalah pengasas islah reformis di Tanah Melayu. Beliau bukan sahaja membawa perubahan besar di kalangan masyarakat di Tanah Melayu dari segi agama, malah beliau juga telah menyumbangkan perubahan dari segi sosial dan juga politik di Tanah Melayu.³³ Beliau telah mengubah adat dan kebiasaan masyarakat Tanah Melayu sedikit demi sedikit secara tidak sedar. Hal ini boleh dilihat daripada perubahan yang cuba dibawanya melalui majalah *Al-Ikhwan* dari segi sosial dan juga bersifat agama seperti yang telah dijelaskan sebelum ini.

³² Petekan L, Adakah diberi kuasa oleh agama Islam kepada siapa-siapa boleh memaksa seseorang menurut iktikadnya, dlm. Petekan-petekan tulisan Sheikh Al-Hadi dari *Al-Imam* dan *Al-Ikhwan* Trankripsi dari Jawa-Rumi Oleh Syed Alwi 1927-1930, SP. 60/E/6, hlm. 50.

³³ Jamilah Othman, "Sayyid Shaykh Al-Hadi: His Role in the Transformation of Muslim Societies in Peninsular Malaya and the Straits Settlements During the Latter Half of the Nineteenth and Early Twentieth Centuries", Desartasi, Universiti Malaya, 1986, hlm. 6.

Sumbangan yang telah diberikan oleh Syed Sheikh Al-Hadi kepada masyarakat boleh dikategorikan kepada tiga, iaitu memberikan kesedaran kepada masyarakat, membawa masuk pengetahuan yang luas, dan melalui penterjemahan yang telah beliau usahakan. Pertamanya kita lihat bahawa beliau telah memberi kesedaran kepada masyarakat melayu³⁴. Kesedaran ini adalah berkaitan amalan saling membantu antara satu sama yang lain. Beliau melahirkan kesedaran untuk maju kepada masyarakat Melayu ini adalah melalui perbandingan dengan negara luar yang lebih maju jika dibandingkan dengan negara sendiri. Misalnya beliau telah memperlihatkan para pembacanya melalui majalah *Al-Ikhwan* bahawa negara Turki telah menerima kemajuan dengan menerima pemodenan barat ke dalam negaranya.³⁵

Di samping itu, beliau juga telah membawa masuk pengetahuan yang luas kepada masyarakat Melayu³⁶ dengan membaca majalah *Al-Ikhwan*. Dalam majalah *Al-Ikhwan* ada memuatkan tentang isu-isu di luar negara yang pastinya akan mendapat perhatian daripada masyarakat Melayu. Pendedahan kepada di luar negara ini adalah untuk meningkatkan semangat nasionalisme dan juga kesedaran di kalangan masyarakat melayu. Misalnya beliau telah membawakan berita penentangan masyarakat Indonesia terhadap Belanda dan meminta masyarakat Melayu agar membantunya. Melalui artikel yang bertajuk “Seruan”³⁷ dalam majalah *Al-Ikhwan* ada menyatakan bahawa masyarakat di Tanah Melayu membantu untuk meringankan

³⁴ Ibid., hlm. 66.

³⁵ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 Jan 1927, hlm. 100.

³⁶ Jamilah Othman, “Sayyid Shaykh Al-Hadi: His Role in the Transformation of Muslim Societies in Peninsular Malaya and the Straits Settlements During the Latter Half of the Nineteenth and Early Twentieth Centuries”, hlm. 67.

³⁷ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 Julai 1928, hlm. 342.

beban yang ditanggung oleh pejuang Indonesia dalam menentang penjajah di negara mereka.

Mereka ialah Mohammmad Hatta, Nazir Dato Pemuncak, Ali Sistro Maijoyo dan Abdullah Majid Jobahat Ningrat.³⁸ Sumbangan yang telah disediakan dalam bentuk wang hendaklah dihantar ke Mesir kerana segala wang yang diterima untuk membantu pemuda Indonesia ini telah pun dikumpulkan di sana. Ini telah menunjukkan kepada kita bahwa umat Islam pada masa itu mempunyai sikap saling bantu-membantu antara satu sama yang lain.

Beliau juga telah memberikan sumbangan kepada masyarakat melalui terjemahan yang telah dilakukannya.³⁹ Terjemahan tersebut bertujuan untuk membidas penterjemahan dan juga pendapat Kaum Tua yang dikatakan kolot pada ketika itu. Beliau telah memuatkan tafsiran yang telah dibuat itu ke dalam majalah *Al-Ikhwan* sebagai siaran bersiri. Terjemahan yang dilakukan oleh beliau adalah pentafsiran baru yang akhirnya telah membuka mata orang Melayu agar tidak terlalu mengikut secara total akan apa sahaja yang dibawa oleh ulama terdahulu. Beliau menggalakkan ijтиhad dikalangan masyarakat.

Kesimpulan:

Syed Sheikh Al-Hadi dilihat banyak memberikan sumbangan kepada masyarakat Melayu. Hal ini dilihat sangat bertepatan dengan konsep seorang mujadid yang melihat seseorang tokoh itu melalui beberapa perkara iaitu sumbangannya dalam

³⁸ Ibid., hlm. 343.

³⁹ Ibid., 67.

masyarakat, penentangan bidaah, dan juga penyebaran ilmu. Namun bagi penulis, Syed Sheikh Al-Hadi dikategorikan kepada ulama reformis berdasarkan sebab-sebab yang tertentu. Ini kerana beliau lebih tertumpu kepada hal keduniaan dan ini bertepatan dengan ciri ulama reformis yang telah kita bincangkan sebelum ini.

Pengaruh dan pemikiran beliau telah dibawa ke dalam majalah *Al-Ikhwan* dan juga majalah-majalah lain yang diterbitkan olehnya. Pemikiran dan juga pengaruh yang terdapat dalam diri beliau tidak boleh dianggap remeh. Ini kerana pengaruh itulah yang menjadikan pemikiran dan tindakan beliau semakin matang dan berpengaruh, selain beliau disokong oleh mereka yang mempunyai latar belakang yang mantap dalam hal ehwal agama. Misalnya Sheikh Tahir Jalaluddin dan ramai lagi.

Sumbangan yang telah diberikan oleh beliau melalui majalah *Al-Ikhwan* tidak boleh dipertikaikan lagi. Sumbangan beliau masih disanjung hingga ke hari ini kerana perubahan yang telah dibawa oleh beliau telah berjaya membawa orang Melayu kepada kejayaan dan juga kemajuan.

BAB 4

ISLAH DAN EMANSIPASI WANITA

Pengenalan

Bab yang keempat ini akan menyentuh tentang pemikiran islah dan isu emansipasi wanita.. Emansipasi menurut *Kamus Dewan* bermaksud pembebasan daripada perhambaan atau pemberian hak yang sama dalam hukum.¹ Wanita pula mengikut *Kamus Dewan* bermaksud orang perempuan atau lawan kepada lelaki. Emansipasi ini sering dikaitkan dengan wanita yang inginkan hak yang sama dengan kaum lelaki.

Kita akan melihat sejarah kelahiran isu emansipasi ini dan perkembangannya sehingga sampai ke Tanah Melayu. Isu ini telah menjadi isu hangat yang bukan sahaja diperkatakan oleh Majalah *Al-Ikhwan*, malah majalah yang lain seperti *Al-Hedayah* dan *Seruan Azhar*. Isu emansipasi wanita ini dilihat sebagai perubahan atau islah kerana isu ini telah membawa perubahan dan kemajuan kepada kehidupan wanita di Tanah Melayu. Misalnya dari segi taraf pendidikan dan juga peranan mereka.

Kemudian penulis akan menyentuh tentang isu-isu yang dibincangkan dalam majalah *Al-Ikhwan* tentang emansipasi wanita. Isu-isu tersebut adalah meliputi pendidikan wanita, pakaian dan hijab, serta tanggungjawab wanita kepada negara. Majalah *Al-Ikhwan* dilihat sebagai menyebarkan isu yang menjadi topik hangat pada masa itu. Banyak gambar dan juga artikel yang telah ditulis bagi memperlihatkan kemajuan dan juga kejayaan kaum wanita di luar negeri dan akhirnya dibandingkan dengan kaum wanita di Tanah Melayu pada ketika itu.

¹ Noresah Baharom, *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002, hlm. 332.

Emansipasi Wanita

Emansipasi wanita lahir semasa berlaku perubahan ekonomi dan politik kesan daripada kolonialisme² dan pengaruh Barat yang telah menular ke seluruh dunia. Seorang perempuan yang meniru apa yang dilakukan dan disarankan oleh wanita Barat dikatakan telah maju dan telah diemansipasikan. Tujuan emansipasi wanita adalah untuk mengembalikan taraf wanita selayaknya seperti yang digariskan oleh Islam melalui Al-Quran dan Sunnah.³

Wanita di zaman pra kolonial dikatakan dibezakan melalui keturunannya.⁴ Misalnya keturunan raja, pembesar, dan masyarakat biasa. Gambaran wanita zaman pra kolonial ialah mereka mempunyai tanggungjawab yang penuh ke atas rumah tangga. Mereka terpaksa menjaga anak, memasak, mencuci kain, mengurus rumah, tidak bebas untuk keluar rumah, dan tidak boleh berkembang dari segi peranannya kecuali melalui perkahwinan dan perkhidmatan istana.⁵

Banyak langkah yang dibuat oleh *Al-Ikhwan* bagi menyokong emasipasi wanita, antaranya mengutuk peranan wanita yang hanya tinggal di dapur dan tidak bebas untuk keluar rumah. Menurut *Al-Ikhwan*, wanita di era 1920an, tidak akan

² Sharifah Zaleha Syed Hassan, “Kebebasan Wanita Dari Kaca Mata Kaum Muda dan Gerakan Al-Arqam”, dlm. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman et.al, *Sejarah dan Proses Pemantapan Negara-Bangsa*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1998, hlm. 897.

³ Sarji Kasim, “Emansipasi Wanita Islam dalam Faridah Hanum”, dlm. Sohaimi Abdul Aziz et.al, *Syed Syeikh Al-Hadi: Cendekia dan Sasterawan Ulung*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2003, hlm. 105.

⁴ Sharifah Zaleha Syed Hassan, “Kebebasan Wanita Dari Kaca Mata Kaum Muda dan Gerakan Al-Arqam”, hlm. 897.

⁵ Ibid.

bebas untuk keluar rumah melainkan dengan kematiannya dan juga tidak akan kerap melihat lelaki yang bukan muhrim melainkan suaminya.⁶ *Al-Ikhwan* juga mengutuk sikap bodoh kaum wanita hingga mudah untuk diperdayakan oleh para penjual dan sering percayakan perkara-perkara yang karut.⁷

Setelah kedatangan British, Kaum Muda telah menghadapi cabaran modenisasi dan mentafsir semula ajaran dan falsafah Islam demi tuntutan semasa. Kaum Muda juga dikenali sebagai Feminist kerana banyak membela nasi wanita.⁸ Mereka telah memainkan peranan mereka membela kaum wanita. Namun kedudukan kaum wanita masih tidak lebih daripada kedudukan kaum lelaki. Mereka hanya memperjuangkan hak wanita lebih baik daripada apa yang diperolehi oleh wanita sebelum ini. Misalnya dari segi pendidikan dan juga kebebasan mereka. Tidak mengatasi bidang pekerjaan lelaki seperti menjadi ketua sebuah negara dan sebagainya. Kaum Muda berpendapat bahawa wanita boleh diasah bakatnya bagi membantu kaum lelaki.⁹ Wanita juga dikatakan sebagai pelengkap bagi lelaki. Tanpa wanita seorang lelaki tidak mungkin akan dapat mencapai kejayaan yang maksimum. Wanita juga dianggap sebagai rakan dan bukannya musuh.

Peranan untuk memperjuangkan hak kaum wanita oleh Kaum Muda ini nyata berbeza dengan apa yang diperjuangkan oleh kaum wanita Barat yang inginkan hak

⁶ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 December 1926, hlm. 77.

⁷ Ibid., hlm. 78.

⁸ Marina Merican, "Sayed Shaikh Al-Hadi dan Pendapat-pendapatnya Mengenai Kemajuan Kaum Perempuan (sebagai tersiar di dalam majalah *Al-Ikhwan*)", Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1960, hlm 1.

⁹ Sharifah Zaleha Syed Hassan, "Kebebasan Wanita Dari Kaca Mata Kaum Muda dan Gerakan Al-Arqam", hlm. 883.

yang sama dengan kaum lelaki dan ingin memecahkan monopoli orang lelaki.¹⁰ Wanita yang terkenal di Asia Tenggara suatu ketika dahulu ialah Raden Adjeng Kartini, Rahmah El-Yunisiyah, Shamsiah Fakeh, dan juga Aishah Ghani.¹¹

Isu emansipasi wanita ini boleh dilihat dengan jelas di Negara Turki semasa era pemodenannya oleh Mustafa Kemal Attartuk.¹² Ini kerana perubahan yang berlaku secara mendadak telah melihatkan kepada kita perbezaannya dengan keadaan Turki sebelum itu. Selain itu, perubahan Turki juga telah mendapat liputan yang meluas di Tanah Melayu melalui akhbar-akhbar tempatan. Emansipasi wanita ini adalah salah satu usaha untuk mengubah rakyat Turki kepada pro-barat dan meninggalkan cara kehidupan yang lama. Semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid II yang memerintah Turki, dikatakan banyak penindasan yang dilakukan kepada kaum wanita. Misalnya Sultan Abdul Hamid II telah membunuh seorang dari gadis hamba berbangsa Armenia yang dihadiahkan kepadanya sempena sepuluh tahun baginda menaiki tahta. Manakala seorang lagi hamba dibenarkan pulang ke Armenia.¹³ Kekejaman ini melihatkan kepada kita bahawa Sultan Abdul Hamid II kelihatan sangat berkuasa dan zalim.

Setelah Turki kalah dalam Perang Dunia Pertama, pengaruh barat telah mula menular masuk ke dalam negara tersebut melalui pemerintahnya sendiri iaitu Mustafa Kemal Attartuk. Beliau melihat kekalahan turki adalah disebabkan kemajuan yang

¹⁰ Ibid., hlm. 103.

¹¹ Ibid., hlm. 106.

¹² Mohammad Redzuan Othman, *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2005, hlm. 165.

¹³ Ibid., hlm. 160.

diamalkan oleh barat dan mengambil keputusan untuk memasukkan idea-idea barat di dalam negaranya. Banyak pembaharuan yang telah dilakukan oleh beliau dalam menyusun semula kehidupan masyarakat Turki. Misalnya dari segi pemakaian dan cara kehidupan wanita Turki yang telah berubah. Mereka mula berpakaian seperti orang-orang di barat. Mereka telah melupakan tudung kepala dan muka yang sebelum ini menjadi pakaian tradisi mereka. Selain itu, mereka juga berkereta dan pergi ke gudang-gudang tanpa muhrim dan bergaul bebas dengan lelaki yang bukan muhrim.

Undang-undang juga telah digubal atas desakan wanita yang telah diemansipasikan dan dikatakan bahawa undang-undang itu telah menyebelahi kaum wanita. Penggubalan undang-undang diketuai oleh pemimpin pembebasan wanita iaitu Halide Edib¹⁴ dan mereka telah menghantar tuntutan ke Majlis Kebangsaan Turki. Mereka telah menuntut pembaharuan daripada empat perkara iaitu menuntut sekatan perkahwinan dalam umur perkahwinan yang sah ialah lima belas tahun untuk wanita dan lapan belas tahun untuk lelaki.

Dari segi ekonomi, wanita Turki telah mula maju dalam bidang ekonomi. Mereka telah mula bergiat dalam perjalanan perniagaan. Selain itu, mereka juga terlibat dalam pelbagai pekerjaan seperti kerja-kerja pejabat, jurutera, perundangan, dan juga doktor.¹⁵ Ramai wanita Turki yang telah berjaya dalam hidup pada waktu itu. Salah seorang daripadanya adalah Halida Edib Adivar. Ramai wanita Turki yang menceburi bidang pekerjaan profesional. Ini dibuat dengan merujuk kepada kenyataan Percy Peter seperti berikut :

¹⁴ Ibid., hlm. 160.

¹⁵ Nermin Abadan-Unat, *Woman In Turkish Society*, Hungary: Leiden E. J. Brill, 1981, hlm. 181.

In the fields of architecture, science, medicine, pharmacy and law, at least one out of three employed is a woman. In colleges women constitute about 35 percent of the faculty. Almost 40 percent of all young traders at the Istanbul Stock Exchange are women. Even in the technical world of engineering, with a participation level of 12 percent, Turkish women are slightly ahead of their American counterparts.¹⁶

Selain itu, terdapat akta yang menyebut tentang pendidikan wanita Turki. Akta tersebut adalah akta 42. Melalui akta ini diskriminasi jantina dalam pendidikan tidak dibenarkan. Selain itu akta ini juga menyebut bahawa kanak-kanak yang berumur enam hingga 14 tahun wajib diberikan pendidikan.¹⁷ Begitulah hebatnya perubahan kaum wanita Turki selepas era permodenan yang boleh dikatakan tidak mempunyai batasan lagi. Perubahan yang berlaku ini telah mendapat liputan yang meluas dalam akhbar-akhbar tempatan. Majalah yang memberikan reaksi yang positif ialah *Al-Ikhwan* yang dipelopori oleh Syed Shaikh Al-Hadi. Beliau menyokong sepenuhnya usaha yang dilakukan oleh Kemal. Salah satu isu yang menjadi sokongan beliau ialah isu emansipasi wanita dengan memberi ruangan dalam akhbarnya berkenaan isu ini iaitu “alam perempuan”¹⁸ dan juga isu-isu negara Turki.

Selain dari *Al-Ikhwan*, akhbar *Al-Hidayah*, dalam artikel “Bahagian Perempuan”¹⁹ menceritakan tentang perubahan wanita turki dalam budaya, adat, ekonomi, politik dan juga sosial. Artikel ini adalah terjemahan sidang pengarang *Al-Hidayah* daripada Surat Khabar yang dikeluarkan di Mesir. Seterusnya kita akan melihat kupasan isu emansipasi wanita dalam majalah *Al-Ikhwan*.

¹⁶ Percy Peter, Turkish Women: Past, Present and the Future, <http://www3.estart.com/turkey/women/halide.html>, (30 Januari 2005).

¹⁷ *Turkey Women In Development Report*, Wasington: World Bank, 1992, hlm. 7.

¹⁸ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 Mei 1927, hlm. 169.

¹⁹ Akhbar *Al-Hidayah*, December 1924, hlm. 208-212.

Pendidikan Wanita

Pendidikan di Tanah Melayu pada amnya telah bermula sebelum kedatangan British ke Tanah Melayu. Pendidikan Melayu bermula dengan sistem pondok yang diperkenalkan oleh mereka yang pulang dari Timur Tengah. Sekolah pondok dikatakan sebagai persediaan melanjutkan pelajaran ke Mesir. Kaum perempuan nyatanya semasa pendidikan tradisional dan era kolonial tidak digalakkan untuk belajar di sekolah-sekolah pondok. Malah meneruskan pekerjaan mereka di dapur.

Kedatangan British telah mengubah sistem pendidikan di Tanah Melayu. Walaupun begitu, mereka tidak sekali-kali mengganggu-gugat sistem pendidikan yang telah lama wujud di Tanah Melayu. Kini kaum perempuan diberi tempat di sekolah-sekolah Melayu. Namun pandangan dan juga pemikiran orang Melayu pada ketika itu masih kolot dan tidak membenarkan anak-anak perempuan mereka ke sekolah. Sekolah Melayu yang pertama di Tanah Melayu ialah Sekolah Melayu di Gelugor yang didirikan pada 1821. Pengurusan pendidikan oleh British dikaitkan dengan “tanggungjawab orang putih” yang menjalankan tanggungjawab sosial mereka di Tanah Melayu.



Tindakan British ini telah menarik perhatian Syed Syeikh Al-Hadi dan rakan-rakannya untuk memperjuangkan pendidikan kaum perempuan melalui *Al-Ikhwan* yang menjadi lidah rasmi kaum muda era tahun 1920-an. Banyak perkara yang mereka bincangkan dalam isu pendidikan, antaranya kelebihan menjaga anak perempuan, tujuan dan kesan memberikan pendidikan kepada anak perempuan.

Kewajipan memelihara anak perempuan adalah tanggungjawab ibu bapanya. Selama ini wanita dikatakan hanya berperanan untuk melahirkan anak sahaja. Mereka tidak layak untuk pekerjaan yang dilakukan oleh lelaki dan lelaki umumnya tidak memerlukan pertolongan wanita untuk pekerjaan mereka.²⁰ Namun kita perlu ingat bahawa tanpa wanita, seorang lelaki tidak akan lahir ke dunia ini. Wanita adalah lambang keelokan rumah tangga.²¹ Sesebuah rumah tangga itu dilihat daripada eloknya wanita di dalamnya. Misalnya dalam adab kesopanan dan juga amal ibadahnya kepada tuhan. Sekiranya wanita di dalam sebuah rumah itu melakukan kesalahan yang memalukan, maka seisi rumah itu akan dipandang buruk oleh masyarakat.

Wanita dikatakan menguasai rumah seorang suami. Sekiranya wanita yang mengatur rumah tangga itu bodoh atau tidak berakal maka akan hancurlah pengurusan di dalam rumah tersebut.²² Wanita yang tidak berakal tidak akan dipandang oleh masyarakat dan tidak akan membawa kebaikan kepada keluarga, masyarakat dan negara. Sebaliknya, wanita yang cerdik akan dipandang dan dihormati oleh masyarakat. Sedemikianlah pentingnya kecerdikan dalam diri seorang wanita. Kaum Muda juga berpendapat bahawa memberikan pelajaran kepada wanita dikatakan akan mengelokkan kaum wanita itu sendiri. Pelajaran akan mendidik wanita agar melakukan sesuatu yang betul di samping memberikannya pengalaman untuk meneruskan hari-hari yang mendatang. Wanita yang berpelajaran juga akan mampu

²⁰ Petekan R, Berubah memelihara anak-anak perempuan sangat-sangat dikehendaki dlm. Petekan-petekan tulisan Sheikh Al-Hadi dari *Al-Imam* dan *Al-Ikhwan* Trankripsi dari Jawa- Rumi Oleh Syed Alwi 1927-1930, SP. 60/E/6, hlm. 66.

²¹ Ibid., hlm. 68.

²² Ibid.

membantu kaum lelaki dalam urusan mereka. Misalnya mendidik anak-anak di samping pengajian mereka di sekolah.²³

Selain itu, *Al-Ikhwan* juga telah mengetengahkan wanita-wanita yang telah berjaya dalam kehidupannya. Misalnya melalui artikel “perempuan Islam mula menempuh medan kemajuan”.²⁴ Dalam artikel tersebut Syed Syeikh Al-Hadi telah memperkenan perempuan yang berasal dari Turki. Beliau ialah Hasrah Hanum. Beliau dikatakan telah berjaya dengan kejayaannya menjadi seorang peguam. Selain itu seorang lagi wanita yang berjaya ialah Dr. Suhailah Saadah saudara perempuan kepada Osman Afendi.²⁵ Beliau dikatakan bekerja sebagai doktor untuk bersalin dan pelbagai penyakit perempuan di London dan Paris.²⁶

Isu memberikan pendidikan kepada wanita telah semakin jelas dengan penubuhan Tarbiyah Al-Islamiah yang ditubuhkan di Singapura dan juga Pulau Pinang.²⁷ Tarbiyah Al-Islamiah adalah sekolah agama yang khas untuk kaum wanita di Negeri-negeri Selat. Sekolah ini mengajarkan Al-Quran, Fiqh, Usuluddin, Mantiq, dan lain-lain lagi. Mereka ingin menerapkan nilai-nilai agama dalam diri kaum wanita agar dapat mengawal diri dari melakukan maksiat dan juga dosa. Syed Syeikh Al-Hadi juga memberikan ruang untuk wanita belajar di madrasah yang diasaskan olehnya iaitu Madrasah Al-Mashyur dan Madrasah Al-Hadi.

²³ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 December 1926, hlm. 78.

²⁴ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 Mei 1926, hlm. 182.

²⁵ Ibid.

²⁶ Ibid.

²⁷ Sharifah Zaleha Syed Hassan, “Kebebasan Wanita Dari Kaca Mata Kaum Muda dan Gerakan Al-Arqam, hlm. 884.

Pemakaian Wanita dan Hijab

Pakaian merupakan keperluan asas seseorang. Pakaian melindungi dari panas dan sejuk serta menutup aurat dari tubuh badan manusia. Pakaian melambangkan maruah, pegangan, pemikiran dan juga budaya dalam sesebuah masyarakat. Emansipasi wanita turut dikaitkan dengan pakaian kerana pakaian dikatakan berkait rapat dengan kemajuan dan juga kebebasan. Selain itu, pakaian wanita juga boleh dikaitkan dengan kebersihan dan kekemasan seseorang.

Syed Sheikh Al-Hadi dikatakan telah mengubah dan memberikan pandangan baru kepada adat dan kebiasaan masyarakat Melayu. Misalnya beliau telah menegur masyarakat Melayu tentang kebiasaan memelihara rambut panjang dan kebersihan rambut melalui artikel “kepala” dalam majalah *Al-Ikhwan*.²⁸ Sudah menjadi kebiasaan bagi orang perempuan kaum Melayu menyimpan rambut yang panjang pada ketika itu. Malah sehingga kini amalan itu masih lagi menjadi ikutan dan saranan orang tua. Namun tidak ramai anak muda yang mengikuti saranan ini. Mengikut kepercayaan orang Melayu, rambut yang panjang dipercayai boleh memaniskan wajah seseorang perempuan yang menyimpan rambut panjang dan juga boleh dijadikan ubat tradisional yang mujarab. Misalnya bisa ulat bulu dan sebagainya.

Memotong rambut dikaitkan oleh Syed Syeikh Al-Hadi dengan kebersihan dan juga kemajuan orang di Barat.²⁹ Menurutnya, orang Eropah menjaga kebersihan kepala mereka dengan menggunting rambut. Beliau menerangkan kebaikan menggunting rambut dan meniru apa yang dilakukan oleh orang Eropah. Kebaikan

²⁸ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 Julai 1928, hlm. 340.

²⁹ Ibid.

memotong rambut ialah mudah untuk melakukan sebarang pekerjaan dan mudah untuk membersihkannya. Isu yang ingin dikaitkan di sini sebenarnya bukanlah tentang rambut semata-mata. Namun hakikatnya Syed Syeikh Al-Hadi membawa masyarakat Tanah Melayu agar menerima pembawaan yang dianjurkan oleh orang Barat dari hal yang besar hingga perkara yang kecil. Di sini telah kita lihat perubahan yang telah dibawa oleh Syed Syeikh Al-Hadi ke dalam masyarakatnya. Sebelum ini kita lihat bahawa orang Melayu sendiri sukar untuk menerima apa yang dibawa oleh orang Eropah atau juga dikenali dengan bangsa penjajah ini. Namun hakikatnya penerimaan yang dibawa oleh mereka telah pun diguna pakai hingga ke hari ini.

Wanita pada abad ke 20-an tidak menutup seluruh rambut mereka. Malah isteri kepada tuan guru yang mengajar di Sekolah Pondok sekalipun. Amalan memakai tudung yang ada dalam masyarakat kita pada hari ini adalah berikutan perkembangan Islam yang berlaku pada era 1970-an. Sebenarnya isu memakai tudung ini telah menjadi perbualahan para ulama. Syed Syeikh Al-Hadi menentang pemakaian hijab di kalangan kaum wanita.³⁰ Hijab³¹ ialah kain yang menutup wajah kaum perempuan. Beliau berpendapat bahawa pemakaian hijab adalah suatu yang menyusahkan kaum wanita. Beliau sering membandingkan wanita di Tanah Melayu dengan wanita di Barat. Menurut beliau, masyarakat barat menjaga kaum wanita

³⁰ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 December 1931, hlm. 108.

³¹ Ulama berselisih pendapat tentang masalah hijab ini. Namun terdapat beberapa perkara yang telah disepakati oleh ulama, antaranya ialah wanita boleh menampakkan wajah dan kedua tapak tangan di hadapan bukan mahramnya, dengan syarat orang di sekelilingnya tidak memandangnya dengan pandangan yang diharamkan dan hanya boleh dielak dengan menutup wajahnya. Wanita boleh memperlihatkan wajahnya untuk tujuan perubatan, pembelajaran, dan juga ketika memberi kesaksian. Keterangan lanjut sila rujuk Abu Dzar Al-Qalamuni(Terj. Muhammad Nurdin), *Maka Kembalilah Kepada Allah*, Jakarta:Serambi Ilmu Semester, 2002, hlm. 228-229.

mereka dan tidak menyusahkannya. Akan tetapi masyarakat di Tanah Melayu pula yang terlebih-lebih menyekat dan menyusahkan kaum perempuan mereka.

Beliau juga berpendapat bahawa wanita bukanlah barang simpanan dan kewajipan berhijab tidak terdapat di dalam nas. Malah pendapat ini telah menjadi pendapat jumhur ulama feqah bahawa wanita muslim tidak diwajibkan untuk berhijab dan harus mendedahkan wajah dan kedua tapak tangannya di hadapan lelaki yang bukan mahramnya.³² Mereka juga mengetengahkan pentafsiran yang dibuat dalam “Tafsir Jalalain” yang menyatakan bahawa seseorang wanita itu hanya boleh mendedahkan apa yang zahir daripadanya iaitu muka dan tapak tangan.³³

Tanggungjawab Wanita Terhadap Negara

Sesebuah negara itu dilihat daripada masyarakat yang berada di bawahnya. Sekiranya masyarakat yang ada di dalamnya itu bijak mengatur peranan masing-masing, maka negara itu akan mendapat kejayaan. *Al-Ikhwan* membawa kita untuk melihat kejayaan negara Eropah dan juga kroninya adalah kerana peranan yang dimainkan oleh segenap masyarakat di dalamnya tidak mengira lelaki atau wanita. Semuanya mempunyai tanggungjawab untuk membela bangsa dan negara.

Jika dilihat, wanita Melayu pada masa tersebut dikatakan tidak mempunyai peranan yang besar dalam negara. Wanita dikatakan wujud hanya untuk melahirkan anak bagi kaum lelaki. Wanita tidak diberikan kebebasan dari sudut kehidupannya

³² Yusuf Al-Qardhawi (Terj. Syed Mohd. Fathil bin Syed Omar), *Hijab Dari Pandangan Ulama*, Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, 1999, hlm. 16.

³³ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 Oktober 1927, hlm. 72.

malah dari segi pemilihan jodoh juga. *Al-Ikhwan* sekali lagi membawakan kepada kita bahawa kaum wanita juga mempunyai peranan terhadap negara.³⁴ Merekalah yang akan mendidik anak-anak lelaki agar menjadi orang yang berguna.

Selain itu, wanita juga dikatakan dapat memainkan peranan dalam menuntut kemerdekaan kepada negara dan boleh menjadi tunggak sebuah negara. Tanggungjawab wanita terhadap negara telah diceritakan oleh Syed Syeikh Al-Hadi melalui *Al-Ikhwan* yang bertajuk “hulubalang wanita”.³⁵ Dalam artikel tersebut, beliau menceritakan tentang Shidah Rashidah isteri kepada Hasan Afendi yang berumur lebih kurang 23 tahun. Beliau dikatakan telah bersama-sama dengan kaumnya bangsa Daruz, berperang dengan orang Perancis di Tanah Syam selama enam bulan dan 40 kali serangan.³⁶ Beliau dikatakan berada di baris hadapan pada setiap kali mereka akan merempuh musuh. Beliau juga berseru untuk memberikan peransang kepada kaum lelaki untuk meneruskan peperangan itu. Beliau juga sangat pandai menembak dan menggunakan meriam.

Syed Sheikh Al-Hadi turut mengetengahkan tokoh-tokoh wanita yang termashyur dalam sejarah Islam bagi meningkatkan semangat para wanita. Mereka ialah Salamah binti Umar Al-Adawiyah, Amarah binti Kaab, Khadijah Khualid, Ummu Hakim binti Haris, dan ramai lagi.³⁷ Malah mereka dikatakan telah menjadi doktor dan pahlawan di medan perang dengan membantu menaikkan semangat perang kaum lelaki.

³⁴ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 December 1926, hlm. 79.

³⁵ Ibid.

³⁶ Ibid.

³⁷ Ibid., hlm. 78.

Kesimpulan

Kita lihat bahawa wanita pada zaman pra kolonial telah mengalami nasib yang begitu menyedihkan. Namun tidak ada sebarang tindakan yang dilakukan untuk mengubah nasib dan perjuangan mereka pada ketika itu. Akhirnya perjuangan Kaum Muda telah muncul memperjuangkan hak wanita. Namun harus diingat bahawa perjuangan yang cuba dibawa oleh Kaum Muda melalui Majalah *Al-Ikhwan* ini sangat berbeza dengan apa yang cuba diperjuangkan oleh wanita Barat. Hal ini telahpun diterangkan sebelum ini.

Wanita di Barat memperjuangkan hak yang sama dengan lelaki. Namun Kaum Muda memperjuangkan hak wanita secara berpatutan dan melangkaui batas seorang lelaki. Misalnya wanita diperlukan dalam situasi-situasi tertentu sebagai pembantu. Perbezaan ini wujud kerana, walaupun wanita memerlukan kebebasan dan mengelak daripada tertindas, namun perjuangan menuntut hak wanita di Barat adalah sangat tidak sesuai dengan sikap wanita timur kita yang masih mempunyai batas dan had yang tertentu menurut hukum Islam.

Walaupun begitu, majalah *Al-Ikhwan* banyak mengambil contoh kemajuan dan juga kejayaan wanita yang telah diemansipasikan oleh Barat ini dalam ruangan majalahnya. Hal ini adalah untuk meningkatkan semangat wanita di tanah Melayu agar berani menuntut hak mereka.

BAB 5

ISLAH DAN PENENTANGAN BIDAAH

Pengenalan


Bidaah berasal daripada perkataan Bahasa Arab “ Al-bida’ ” yang bermaksud mengada-adakan sesuatu perkara yang tidak pernah ada contoh sebelumnya.¹ Menurut Sheikh Ali Mahfudz pula didalam kitabnya *Al Ibda' fi Madharil Ibtida'* bidaah bermaksud “segala sesuatu yang diciptakan dengan tidak didahului contoh-contoh”. Bidaah telah berlaku pada masa pemerintahan Khalifa Ar-Rashidin.²

Manakala dari segi istilah pula menurut Imam Syafie, bidaah adalah “mengerjakan sesuatu perbuatan yang tidak pernah diperbuat pada zaman rasullah”.³ Bidaah juga adalah suatu ibarat yang berkisar pada masalah-masalah agama. bidaah dilakukan menyerupai syariat dengan cara yang berlebihan dalam mengabdikan kepada Allah S.W.T. Secara umumnya dalam agama Islam, bidaah bermaksud sebuah perbuatan yang tidak pernah diperintahkan ataupun dilakukan oleh Nabi Muhammad S.A.W.

¹ Salih Ibn Fawzan Ibn Abdullah Al-Fawzan (Terj. Baharuddin Ayudin), *Bid'ah: Konsep dan Pengertiannya*, Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) Sdn. Bhd., 1994, hlm 1.

² Ibid., hlm. 11.

³ Siti Sobah Sulaiman, “Bidaah dan Khurafat dalam Masyarakat Islam: Satu Kajian di Jeram, Selangor”, Desertasi, Universiti Malaya, 2003, hlm. 86.



Jenis-jenis Bidaah

Jenis bidaah ada dua. Pertamanya ialah bidaah dalam bahagian adat.⁴ Bidaah dalam bahagian adat ini ialah bidaah yang tidak mempunyai kaitan dengan keagamaan dan bersifat dunia serta juga tidak pernah dilakukan oleh Rasullah S.A.W. Hukum melakukan bidaah adat ini adalah harus.⁵ Contoh yang mudah boleh dilihat dalam kehidupan kita seharian iaitu segala bentuk rekacipta yang terkini diwujudkan bagi memudahkan pekerjaan manusia. Misalnya mesin basuh, komputer, dan juga kereta.

Jenis bidaah yang kedua pula ialah bidaah dari segi agama.⁶ Bidaah dari segi agama ini pula boleh dibahagikan kepada dua perkara iaitu bidaah dari sudut akidah dan bidaah dari sudut ibadah.⁷ Hukum bidaah dari segi agama ini adalah haram untuk dilakukan.⁸ Perlakuan bidaah akidah ini boleh disamakan khurafat yang berbentuk kepercayaan kepada perkara tasyul serta ajaran karut. Manakala bidaah dari segi ibadah pula terbahagi kepada tiga iaitu bidaah yang baik yang juga dikenali sebagai

⁴ Salih Ibn. Fawzan Ibn Abdullah Al-Fawzan (Terj. Baharuddin Ayudin), *Bid'ah: Konsep dan Pengertiannya*, hlm. 2.

⁵ Ibid., hlm. 2.

⁶ Siti Sobah Sulaiman, "Bidaah dan Khurafat dalam Masyarakat Islam: Satu Kajian di Jeram, Selangor", hlm. 92.

⁷ Ibid., hlm. 92-93.

⁸ Salih Ibn. Fawzan Ibn Abdulrahman Al-Fawzan (Terj. Baharuddin Ayudin), *Bid'ah: Konsep dan Pengertiannya*, hlm. 5.

bidaah hasanah, penambahan amalan dalam ibadah, dan melakukan ibadat yang disyariatkan dengan tidak mengikut hukum syarak.

Bidaah hasanah bermaksud bidaah yang membawa kepada kebaikan. Misalnya bidaah ketika membuat majlis menyambut kelahiran Nabi Muhammad S.A.W.⁹ Walaupun perkara itu tidak pernah dilakukan semasa Nabi Muhammad masih hidup, namun amalan itu tetap membawa kepada perpaduan ummah. Manakala dalam bentuk penambahan dalam ibadah ini bermaksud penambahan yang dilakukan terhadap ibadah yang wajib dilakukan.¹⁰ Misalnya dengan menambahkan bacaan-bacaan tertentu atau menambahkan jumlah rakaat dalam solat. Akhir sekali ialah jenis bidaah agama yang bersifat melakukan ibadah yang disyariatkan tetapi dibuat dalam bentuk yang tidak mengikut hukum syarak.¹¹ Misalnya melakukan ibadah solat dengan diiringi alat muzik.

Pembahagian Bidaah

Para ulama yang menkategorikan bidaah kepada bidaah haqiqi, bidaah idhafi dan bidaah tarkiyyah.¹² Bidaah haqiqi adalah bidaah yang tidak mempunyai dalil syarie daripada Al-Quran, sunnah, ijmak dan tidak juga berdalil dari ahli ilmu baik secara umum atau secara khusus. Manakala bidaah idhafi pula bermaksud bidaah

⁹ Siti Sobah Sulaiman, "Bidaah dan Khurafat dalam Masyarakat Islam: Satu Kajian di Jeram, Selangor", hlm. 93.

¹⁰ Ibid.

¹¹ Ibid.

¹² Ibid., hlm. 95.

yang ditambah. Bidaah idhafiyyah mengandungi dua perkara iaitu mempunyai dalil yang berkaitan dan tidak dikira dari perkara ini sebagai dan bidaah yang tidak mempunyai dalil yang berkaitan. Misalnya bersolawat ke atas Rasulullah dan membaca surah Al-Kahfi beramai-ramai pada hari Jumaat.

Kemudiannya ialah bidaah tarkiyyah yang bermaksud sikap seseorang yang meninggalkan sesuatu yang dihalalkan oleh syarak kerana warak. Ini menunjukkan seolah-olah dia mengharamkan sesuatu perkara yang halal atau bermaksud meninggalkannya. Misalnya meninggalkan perkahwinan kerana ingin mendekatkan diri dengan Allah.

Sebab-sebab Penentangan Bidaah

Sebab-sebab penentangan bidaah ini boleh dilihat melalui empat sebab yang utama iaitu, merosakkan kemurnian agama, membawa pepecahan ke dalam umat Islam, membawa kejahilan, dan juga kerana membawa kesesatan kepada masyarakat. Bidaah dikatakan merosakkan kemurnian agama¹³ ialah melalui percampuran antara amalan yang menjadi tuntutan syariat dengan amalan yang hanyalah rekaan semata-mata serta langsung tidak membawa kebaikan kepada umat islam. Oleh itu, percampuran itu akhirnya akan mengelirukan umat islam itu sendiri tentang ajaran dan tuntutan asal yang telah disyariatkan kepadanya.

¹³ Ibid., hlm. 128.

Bidaah juga membawa pepecahan umat Islam.¹⁴ Perkara boleh dilihat daripada pengamalan bidaah agama yang nyatanya membawa kepada kekufuran. Sekiranya sekelompok umat islam itu berbeza pegangan akidahnya dengan sekelompok yang lain, maka ternyata bahawa sekompok yang ada itu dibahagikan kepada dua. Perpaduan tidak akan terbina daripada kefahaman dan pegangan akidah yang berbeza. Kelompok yang pertama tadi pastinya tidak akan mengikut kelompok yang kedua. Manakala kelompok yang kedua tetap dengan pegangannya tanpa berganjak.

Selain itu, bidaah juga ditentang adalah kerana membawa kesesatan dan kejahilan.¹⁵ Apabila seseorang hanya menurut apa yang telah dilakukan oleh seseorang yang lain tanpa mengetahui dan mempelajarai perkara tersebut, maka perbuatan itu akan membawa kesesatan dan kejahilan kepadanya. Misalnya seorang yang tidak tahu arah jalan yang hanya mengikut orang di hadapannya. Sekiranya orang yang dihadapannya itu tersilap jalan maka dia juga akan sesat. Sekiranya Orang yang berada dihadapannya itu mempunyai peta sebagai rujukan, dan kemungkinan dia kembali ke pangkal jalan. Namun, orang yang mengikutnya tadi akan sesat disepanjang jalan.

¹⁴ Ibid.

¹⁵ Ibid., 129.

Faktor Kemunculan Bidaah

Penentangan sesuatu pastinya disebabkan perkara tersebut membawa kepada keburukan dan juga kebatilan. Penentangan amalan bidaah yang sesat dalam majalah *Al-Ikhwan* dilihat sebagai pemikiran islah adalah kerana penentangan ini membawa kepada kebaikan dan tindakan ini adalah salah satu perkara yang amat dituntut oleh agama. Selain itu penentangan ini juga akan membawa masyarakat ke arah kemajuan dunia dan akhirat. Namun begitu, perbincangan yang telah dikemukakan dalam majalah *Al-Ikhwan* ini seharusnya diteliti dengan lebih mendalam hukum Islam dan juga pendapat ulama yang muktabar.

Majalah *Al-Ikhwan* menentang amalan bidaah kerana berpunca daripada kejahilan dan juga jumud.¹⁶ Jahil bermaksud cetek pengetahuan dalam agama.¹⁷ Manakala jumud pula bermaksud beku, kaku, atau kolot.¹⁸ Kemunculan amalan ini boleh dilihat dengan jelas berlaku dalam kehidupan kita sehari-hari. Kemunculan amalan bidaah adalah disebabkan oleh kejahilan tentang islam dan sumber-sumbernya. Sumber yang dimaksudkan di sini ialah sumber hukum islam iaitu Al-quran, Sunnah, dan hinggalah kepada sumber Qias serta Maslahah.¹⁹ Sekiranya

¹⁶ Mustaffa Suhaimi, *Salah Faham Tentang Bidaah dan Syirik*, Petaling Jaya: Progressive Publishing House Sdn Bhd., 1994, hlm. 130.

¹⁷ Noresah Baharom, *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002, hlm. 508.

¹⁸ Ibid., hlm. 548.

¹⁹ Sumber-sumber hukum Islam boleh dibahagikan kepada Al-Quran, Sunnah, Ijmak Ulama, Al-Qiyas, Uruf, Marsalah Al-Mursalah, dan juga stishab. Sumber-sumber hukum inilah yang digunakan dalam menentukan hukum terhadap perbuatan manusia. Keterangan lanjut sila rujuk Abd Latif Muda dan Rosmawati Ali @ Mat Zin, *Pengantar Usul Fiqh*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1997, hlm. 62-146.

seseorang itu jahil tentang sumber hukum Islam dan tidak tahu halal serta haram dalam Islam, maka kemungkinan besar dia akan melakukan perkara yang ditegah oleh agama termasuklah bidaah agama. Misalnya melakukan pemujaan kubur, Mandi Safar, dan sebagainya. Sebab itulah juga kita melihat dalam majalah *Al-Ikhwan* yang nyatanya ingin menentang bidaah kerana berpunca daripada kejumudan dan kejahilan.

Faktor kemunculan bidaah yang kedua ialah berpunca daripada hawa nafsu²⁰ semata-mata. Bidaah boleh berlaku apabila seseorang itu mengikut hawa nafsu dan melakukan sesuatu yang menyalahi agama dengan sesuka hatinya. Hal ini boleh terjadi apabila seseorang itu tidak lagi berpandukan Al-Quran dan juga Sunnah dalam kehidupan seharian. Misalnya menyarankan sesuatu yang tidak pernah dilakukan oleh rasulullah unuk kepentingan dan juga kemahuan sendiri. Kaum Muda melalui majalah *Al-Ikhwan* menyeru kepada masyarakat agar kembali kepada ajaran Al-Quran dan juga sunnah. Misalnya dengan membuat pentafsiran kepada Al-Quran. Majalah *Al-Ikhwan* juga dilihat sangat tidak bersetuju dengan ulama pada masa itu atau kaum tua yang dikatakan telah banyak menjatuhkan sesuatu hukum berdasarkan hawa nafsu dan kepentingan peribadi.

²⁰ Siti Sobah Sulaiman, Bidaah dan Khurafat dalam Masyarakat Islam: Satu Kajian di Jeram, Selangor, hlm. 119.

Faktor yang ketiga pula ialah bidaah berpunca daripada taklid dan juga taksub kepada tokoh.²¹ Taklid²² bermaksud mengikut sesuatu ibadah tertentu tanpa mengetahui latar belakang perbuatan tersebut. Bidaah boleh berlaku apabila adanya perasaan taksub kepada tokoh-tokoh tertentu. Apabila perasaan taksub kepada seseorang ulama atau tokoh, maka pelbagai perkara yang tidak masuk akan akan dilakukan tanpa sedar. Misalnya pemujaan kubur yang dilakukan keatas kubur tokoh-tokoh yang terkemuka.

Penentangan Bidaah Oleh Majalah *Al-Ikhwan*

Kenduri Arwah(memperingati orang mati)

Penentangan bidaah dalam majalah *Al-Ikhwan* boleh dilihat melalui beberapa isu yang telah dikemukakan dalam majalah tersebut. Penentangan tersebut ialah isu tentang kenduri arwah. Orang yang telah meninggal dunia boleh mendapat pahala daripada amal kebaikan, sedekah, dan juga anak soleh yang mendoakannya.²³ Namun banyak amalan yang dilakukan oleh sesetengah masyarakat untuk memperingati si mati dan mententeramkan keluarganya. Misalnya berziarah ke rumah si mati dan juga membuat kenduri arwah. Amalan kenduri arwah ini disebut dalam majalah *Al-Ikhwan*

²¹ Ibid., hlm. 120.

²² Taklid banyak dibincangkan di dalam kitab suci Al-Quran. Ada pendapat ulama yang membolehkan taklid. Namun hanya kepada sesetengah kelompok sahaja. Keterangan lanjut sila rujuk Muhammad Afifi (Terj. Ibn Ibrahim), *Risalah Taklid: Jangan Kamu Ikuti Apa yang Kamu Tidak Tahu*, Jakarta: Pustaka Azzam, 2000, hlm. 49.

²³ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 December 1928, hlm. 123.

melalui tajuk artikelnya “pahala kemudian daripada mati”.²⁴ Kenduri arwah ini telah lama diamalkan dalam masyarakat Melayu. Amalan kenduri arwah ini sememangnya tidak pernah dilakukan oleh Rasullah pada ketika hidupnya. Kenduri arwah ini dilakukan setelah hari tujuh, 40 dan seterusnya. Amalan yang dilakukan semasa kenduri arwah itu ialah memberi makan kepada orang yang datang berkunjung ke rumah si mati. Majalah *Al-Ikhwan* dilihat tidak bersetuju dengan amalan tersebut.

Kaum Muda melalui majalah *Al-Ikhwan* mengkategorikan perbuatan menjamu orang yang datang semasa hari memperingati kematian seseorang itu sebagai bidaah.

Adapun memberi makan orang yang tiada hajat kepada makanan itu ataupun jualan yang dijual oleh orang-orang dengan harga yang tertentu atau dengan kerana sesuatu upahan yang khas umpama nasi itu maka tiadalah kita mendapat keterangan daripada penghabaran Quran dan Sunnah yang sohih....²⁵

Mereka juga berpendapat bahwa pahala memberikan makanan kepada orang yang berkunjung ke rumah si mati tidak akan memberi faedah kepada si mati. Malah perbuatan itu akan menyusahkan lagi keluarga bagi pihak si mati.²⁶ Mereka juga menyatakan jika pahala itu boleh dibeli nescaya orang-orang kaya boleh membeli syurga dan tidak akan masuk neraka. Maksudnya, sekiranya pahala diberikan kepada si mati atas tindakan keluarganya memberi makan kepada orang yang datang

²⁴ Ibid.

²⁵ Ibid.

²⁶ Ibid.

berkunjung, maka orang-orang kaya akan memperolehi pahala yang banyak dan tidak risau untuk dimasukkan ke dalam neraka.

Lebai Pondok

Selain itu, Majalah *Al-Ikhwan* juga dilihat mengutuk pendidikan sekolah pondok yang dikatakan kolot dan ketinggalan zaman. Mereka menamakan pelajar-pelajar sekolah pondok ini dengan gelaran “Lebai Pondok”.²⁷ Kaum Muda dalam majalah *Al-Ikhwan* menganggap cara pemakaian dan juga tindakan lebai pondok ini mengambil upah daripada menguruskan mayat adalah bidaah.

Lebai pondok ialah satu perhimpunan suatu puak dari kaum islam yang dikatakan tujuannya semata-mata kepada menuntut ilmu agama islam. Puak ini banyak di Seberang Prai di Kedah dan lain-lain jajahan.²⁸

Gelaran itu diberikan kepada pelajar-pelajar pondok tersebut adalah kerana cara pemakaian mereka. Mereka memakai songkok putih atau kopiah putih dan menjadi imam sembahyang orang mati, maulud, dan lain-lain. Malah ada segelintir masyarakat yang mengangkap bahawa tidak sempurna sembahyang mayat sekiranya tidak diikuti oleh lebai pondok ini dan diberikan sedekah yang khas untuk mereka.

...dan ada juga jikalau sesuatu puak lebai itu telah sembahyangkan sesuatu mayat dan telah menerima sedekah yang khas maka mayat itu pun di bawa

²⁷ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 Februari 1928, hlm. 186.

²⁸ Petekan H, Lebai pondok, dlm. Petekan-petekan tulisan Sheikh Al-Hadi dari *Al-Imam* dan *Al-Ikhwan* Trankripsi dari Jawa-Rumi Oleh Syed Alwi 1927-1930, SP. 60/E/6, hlm. 44.

orang pada tempat yang hendak dikuburkan. Tetapi kalau di tengah jalan itu bertemu pula dengan sekawan lagi lebai-lebai itu maka berhentilah mayat itu di situ disembahyangkan lagi pula kerana sedekahnya yang khas...²⁹

Mereka berpendapat bahawa tindakan dan cara hidup lebai pondok ini tidak terdapat dalam suruhan nabi.³⁰ Mereka mencela perbuatan lebai pondok yang menerima sedekah atas perbuatan mereka yang wajib dan meninggalkan kampung halaman semata-mata untuk menuntut ilmu orang mati dan kemudiannya menerima sedekah. Selain itu, mereka juga menyatakan bahawa cara pemakaian lebai pondok itu tidak terdapat dalam ajaran Rasullah dan mereka tidak seharusnya menggesa umat Islam yang lain supaya mengikuti mereka.

Menentang Taklid dan Menggalakkan Ijtihad

Disamping itu, majalah *Al-Ikhwan* juga menentang sikap bertaklid dengan pendapat ulama terdahulu dan menggalakkan ijtihad. Taklid bermaksud Menerima pandangan orang lain tanpa dalil atau bertindak atas dasar pandangan orang lain. Ijtihad³¹ pula bermaksud memutuskan hukum berdasarkan kitab Allah. Kaum Muda dalam majalah *Al-Ikhwan* dilihat sangat menggalakkan untuk melakukan ijtihad.

²⁹ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 Februari 1928, hlm. 187.

³⁰ Ibid.

³¹ Ijtihad bermaksud mencurahkan tenaga sepenuhnya untuk mendapatkan hukum syarak yang berbentuk amali dengan cara istinbat daripada dalil-dalil dan hukum syarak. Keterangan lanjut sila rujuk Abd Latif Muda dan Rosmawati Ali @ Mat Zin, *Pengantar Usul Fiqh*, hlm. 256.

Seperti yang terkandung dalam majalah *Al-Ikhwan* “Maka akal usaha ikhtiar yang dikurniakan kepadanya bagi mendapatkan kelebihan itu”.³²

Mereka juga mencela tindakan bertaklid dengan amalan atau perbuatan ulama terdahulu. Bukti tersebut boleh dilihat dengan jelas ketika mereka melakukan pentafsiran sendiri terhadap ayat-ayat Al-quran dan juga Sunnah. Mereka berpendapat bahawa ulama terdahulu telah menyeleweng daripada ajaran yang benar dan menyeru agar ummat islam kembali kepada ajaran al-quran dan sunnah yang asal dengan mengkaji dan meneliti sendiri di dalamnya. Perumpamaan terhadap tindakan mencela perbuatan para ulama ketika itu ternyata jelas dalam majalah al-ikhwan:

Maka serasalah mereka minum dan berkubang dalam air yang telah keruh oleh campuran beberapa anak sungai yang mengalir dari tiap-tiap pihak membawa berbagai-bagai jenis lumpur longkang dan terkadang bangkai juga tiada berani mereka itu hendak menyusur balik kepada hulu sungai minum air yang jernihnya melainkan dalam kubang yang keruh.....³³

Mereka juga berpendapat bahawa tiada sesiapa pun yang boleh memaksa seseorang untuk mengikut iktikad atau pendapatnya. Mereka juga mencela perbuatan segelintir ulama yang dikatakan telah memaksa masyarakat untuk mengikuti iktikadnya sehingga akan di hukum sekiranya melanggar perintah mereka.

³² Majalah *Al-Ikhwan*, 16 September 1930, hlm. 17.

³³ Majalah *Al-Ikhwan*, 16 Oktober 1928, hlm. 48-49.

Kesimpulan

Amalan bidaah yang sesat membawa kepada pemikiran yang kolot dan ketinggalan zaman, selain daripada membawa kejihilan dan juga jumud. Pemikiran serupa ini samalah seperti air kolam yang tidak mengalir dan sentiasa bertakung dalam lingkungan alirannya sahaja. Penulis beranggapan bahawa, majalah *Al-Ikhwan* menjadi tempat untuk berbahas demi mencari keadilan dan tidak kurang juga untuk menegakkan pendirian dan pegangan Kaum Muda. Namun harus diingat bahawa kebenaran tetap kebenaran walaupun kezaliman dan juga pembohongan belaku disekitar kita. Oleh itu, majalah *Al-Ikhwan* dianggap telah berjaya mengeluarkan masyarakat melayu daripada belenggu kesesatan dan juga kejihilan.

Amalan dan juga adat kebiasaan masyarakat melayu sebenarnya tidak menjadi satu kesalahan, namun tindakan dan juga desakan pihak-pihak tertentu yang memaksa masyarakat untuk mengamalkannya hakikatnya adalah satu yang diluar kawalan mereka. Oleh itu, kaum muda tampil untuk membetulkan keadaan dan juga pegangan yang benar bagi ikutan umat Islam.

KESIMPULAN

Penulis melihat bahawa majalah dan akhbar telah memainkan peranan penting di Tanah Melayu pada suatu masa dahulu. Majalah dijadikan bahan untuk mengeluarkan pendapat dan mengetahui isu-isu terkini di Tanah Melayu dan juga negara luar. Ini kerana pada masa itu tidak terdapat media elektronik yang canggih dan mampu disebarluaskan ke seluruh dunia dengan pantas. Oleh itu majalah adalah salah satu cara untuk mendapat maklumat yang cepat. Namun bilangan yang terhad kadang-kala menyebabkan masyarakat sukar untuk mendapatkan bahan tersebut. Malah ada dikalangan mereka berkongsi satu majalah untuk satu kampung.

Nyatahalah dengan tindakan British membawa teknologi cetakkan ke Tanah Melayu¹ bukan sahaja memudahkan lagi kerja-kerja mereka, malah telah membawa perkembangan intelekual ke Tanah Melayu. *Al-Ikhwan* dilihat sebagai salah satu majalah yang cukup terkenal pada abad ke-20. *Al-Ikhwan* membawa pemikiran islah dari Timur Tengah dan mengembangkan pemikiran itu kepada masyarakat Melayu. Banyak pembaharuan yang telah dibawa oleh Kaum Muda melalui Majalah *Al-Ikhwan* yang telahpun dibincangkan sebelum ini.

Pemikiran islah di Tanah Melayu telah dibawa dari Timur Tengah. Pemikiran ini dibawa oleh Kaum Muda ke Tanah Melayu melalui pelbagai cara, antaranya ialah penulisan dan juga pendidikan. Gerakan islah yang dibawa oleh Syeikh Muhammad

¹ Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2001, hlm. 314.

Abduh dan Jalaluddin Al-Afghani telah tertanam kuat dalam diri Kaum Muda yang terpengaruh dengan gerakan tersebut. Akhirnya pemikiran islah ini telah tersebar luas ke Tanah Melayu dan memberikan impak yang baik kepada masyarakat.

Pemikiran islah Syed Sheikh Al-Hadi telah dapat dibuktikan dengan jelas. Pemikiran islah boleh dilihat daripada beberapa sudut pandangan. Penulis telah menyimpulkan bahawa pemikiran islah Syed Sheikh Al-Hadi di dalam *Al-Ikhwan* boleh dilihat melalui penentangan bidaah yang telah dilakukan melalui majalah *Al-Ikhwan*, sumbangan Syed Sheikh Al-Hadi kepada masyarakat, dan juga keberkesanan pemikirannya kepada masyarakat dahulu dan kini.

Pemikiran islah Syed Sheikh Al-Hadi dapat dilihat melalui penentangan bidaah yang telah dilakukan oleh beliau melalui majalah *Al-Ikhwan*. Penentangan bidaah yang sesat dapat menghindarkan masyarakat dari sifat jumud dan kufur. Penentangan bidaah yang dilakukan oleh beliau melalui *Al-Ikhwan* telahpun dibincangkan sebelum ini.

Selain itu, pemikiran islah Syed Syeikh Al-Hadi dilihat melalui keberkesanan pemikirannya dikalangan masyarakat dan masih diguna pakai hingga ke hari ini. Penulis melihat, walaupun terdapat penentangan terhadap pemikiran islah Syed Syeikh Al-Hadi, namun pengaruhnya telah dapat menembusi Indonesia dan juga Asia Tenggara. Pengaruh beliau juga telah dapat kita lihat hingga ke hari ini. Bukti perbincangan tentang apa yang telah dibincangkan oleh kaum Muda di dalam majalah

Al-Ikhwan seperti talkin dan kenduri arwah oleh para ulama dan cerdik pandai hingga hari ini.

Pemikiran islah beliau juga dapat dilihat daripada sumbangan yang telah diberikan kepada masyarakat. Perkara ini telah dibincangkan dalam bab ketiga yang membincangkan tentang sumbangan beliau. Beliau telah membuka minda orang Melayu agar menerima pembaharuan Barat. Misalnya pemodenan dan juga pendidikan sekular.

Syed Syeikh Al-Hadi telah dipengaruhi oleh beberapa corak pemikiran yang membolehkan beliau berdiri teguh dengan pendirian tersebut. Beliau terpengaruh dengan pemikiran dari Timur Tengah, Riau, dan juga pengaruh Barat. Beliau terkesan dengan pemikiran Syeikh Muhammad Abduh di Timur Tengah. Selain itu, beliau juga terpengaruh dengan corak pemikiran dan penulisan sastera Riau yang membolehkan beliau menulis dengan baik dan terlibat dalam penulisan kreatif. Akhir sekali beliau juga menyokong pembaratan yang membawa kemajuan kepada masyarakat.

Seterusnya kita akan melihat implikasi pemikiran islah yang telah dibincangkan pada bab-bab yang telah lalu. Pemikiran islah ~~Kaum Muda~~ telah memberi implikasi yang sangat mendalam kepada masyarakat Tanah Melayu. Implikasi tersebut bukan sahaja boleh dirasa pada awal abad ke-20, malah sehingga kini. Pemikiran islah kaum Muda telah memperbaiki nasib masyarakat Tanah Melayu

melalui pendidikan. Hal ini adalah berikutan tindakan Syed Syeikh Al-Hadi menubuhkan madrasah dan yang paling penting beliau telah menyarankan pendidikan sekular serta pendidikan kepada kaum wanita. Melalui Pendidikan Barat pada ketika itu, masyarakat mampu merubah kehidupan mereka kepada yang lebih baik.

Pemikiran islah kaum muda juga telah membawa pembaharuan dalam kemajuan dan intelektual pemikiran orang Melayu melalui sokongan yang diberikan kepada pembaharuan Barat. Pemikiran orang Melayu sebelum ini tidak berkembang dan tidak mahu menerima pembaharuan dalam kehidupan mereka. Mereka lebih suka hidup dalam kepompong keklotan hidup. Buktinya mereka tidak mahu menerima sains dan juga teknologi yang telah dicipta oleh Barat. *Al-Ikhwan* telah menyeru masyarakat agar menerima pembaharuan melalui tindakan mereka menyokong Kemal Attaruk. Sesungguhnya tidak semua pembaharuan yang dibawa oleh Barat buruk dan tidak berguna.

Akhir sekali pemikiran islah kaum muda juga telah menyemai idea terhadap perubahan sosial dalam masyarakat Melayu. Hal ini terjadi melalui emasipasi wanita yang diperjuangkan oleh Kaum Muda. Wanita dilihat seperti tidak mempunyai apa-apa fungsi dalam kehidupan kini telah mula berukar wajah melalui pendidikan dan juga peniruan terhadap apa yang dilakukan oleh Barat. Misalnya dari segi pemakaian dan juga tanggungjawab mereka.

Seterusnya kita lihat perbezaan antara pemikiran islah yang dibawa oleh Syed Sheikh Al-Hadi melalui majalah *Al-Ikhwan* dan juga majalah lain yang sezaman dengannya. Selain dari Majalah *Al-Ikhwan*, penulis sangat tertarik dengan majalah *Pengasuh* yang telah diterbikan pada 11. Julai. 1918 di Kelantan. Majalah pengasuh telah membawa beberapa pemikiran islah yang seakan sama dengan majalah *Al-Ikhwan*, antaranya pendidikan kepada kaum wanita. Walaupun ada yang menyatakan bahawa majalah Pengasuh ini adalah daripada kalangan Kaum Muda, penulis berpendapat bahawa Tok Kenali yang menjadi ketua pengarang² dalam majalah *Pengasuh* ini mengambil langkah berkecuali untuk terlibat dalam perbahasan antara Kaum Muda dan Tua. Ini kerana beliau juga ada kalanya menyokong Kaum Tua.

Selain itu, dalam akhbar *Al-Hidayah*, dalam artikel “Bahagian Perempuan”³ menceritakan tentang perubahan wanita turki dalam budaya, adat, ekonomi, politik dan juga sosial. Berikutan kenaikan Mustafa Kemal Attartuk sebagai pemimpin Turki moden, pelbagai pembaharuan yang telah dilakukan ke atas kaum wanita di Turki ini. Artikel ini adalah terjemahan penulis daripada Surat Khabar yang dikeluarkan di Mesir.

Kesimpulannya, pemikiran islah di Tanah Melayu telah membawa banyak perubahan dalam kehidupan masyarakatnya amnya dan orang melayu khasnya.

² Abdullah Al-Qari Haji Salleh, *Sumbangan Tuk Kenali Kepada Dunia Ilmu*, Kota Bharu: Pustaka Asa, 1981, hlm. 14.

³ Akhbar *Al-Hidayah*, December 1924, 208-212.

Perubahan yang dibawa oleh Kaum Muda melalui Majalah *Al-Ikhwan* bukan sahaja dari aspek agama, tetapi mencakupi aspek keduniaan. Segala pembaharuan yang boleh mendatangkan kebaikan seharusnya disokong dan diberi galakan oleh masyarakat. Sebaliknya juga pembaharuan yang membawa keburukan haruslah ditolak.

BIBLIOGRAFI

BUKU

Abd Latif Muda dan Rosmawati Ali @ Mat Zin, *Pengantar Usul Fiqh*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1997.

Abdullah Al-Qari Haji Salleh, *Sumbangan Tuk Kenali Kepada Dunia Ilmu*, Kota Bharu: Pustaka Asa, 1981.

Abu Dzar Al-Qalamuni(Terj. Muhammad Nurdin), *Maka Kembalilah Kepada Allah*, Jakarta:Serambi Ilmu Semester, 2002.

Alijah Gordon, *The Real Cry of Syed Shaykh Al-Hady*, Kuala Lumpur: Malaysia Sociological Research Institute, 1999.

Andrew J. Mango, *Ataturk*, London: Ankara University Press, 1963.

Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2001.

Bastami Mohd Said, *Mafhum Tajdid Al-Din*, Kuwait: Dar al-Da'wah, 1984.

Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Macmillan Publishers (M) Press Ltd., 1983.

Chandra Muzaffar(Terj. Adibah Amin), *Kebangkitan Semula Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1988.

Fadhillah Jamil, *Islam Zaman Moden: Cabaran dan Konflik*, Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd., 1997.

Firdaus Haji Abdullah, *Pengenalan Ringkas Terhadap Tokoh Pelbagai Bakat: Raja Ali Haji Dalam Kepimpinan Melayu: Satu Rakaman Kewartawanan*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1985.

Hussien Muhammad, Asal Mula Akta pertubuhan di Malaysia: satu catatan Ringkas, dlm. *Malaysia dari segi Sejarah*, Bil. 2, 1983.

Halimah Mohd Said dan Zainab Abdul Majid, *Images Of The Jawi Peranakan Of Penang: Assimilation of The Jawi Peranakan Community Into The Malay Society*, Perak: Universiti Perguruan Sultan Idris, 2004.

Ibn Manzur, *Lisan Al'arab*, Beirut: Dar Sadir, Jilid 111, (tt).

Kassim Thukiman, *Malaysia: Perspektif, Sejarah, dan Politik*, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2002.

Mohammad Redzuan Othman, *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2005.

Muhammad Afifi (Terj. Ibn Ibrahim), *Risalah Taklid: Jangan Kamu Ikuti Apa yang Kamu Tidak Tahu*, Jakarta: Pustaka Azzam, 2000.

Muhs Yusof Ibrahim, *Pensejarahan Melayu 1800-1960*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.

Mustaffa Suhaimi, *Salah Faham Tentang Bidaah dan Syirik*, Petaling Jaya: Progressive Publishing House Sdn Bhd., 1994.

Nermin Abadan-Unat, *Woman In Turkish Society*, Hungary: LeidenE. J. Brill, 1981.

Nik Abdul Aziz bin Nik Hassan, *Islam dan Masyarakat Kota Bharu Diantara tahun 1900-1933*, dlm. *Islam di Malaysia*, Selangor: Persatuan Sejarah Malaysia, (tt).

Noresah Binti Baharom, *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.

Ramlah Adam, *Maktab Melayu Melaka 1900-1922*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.

Salih Ibn Fawzan Ibn Abdullah Al-fawzan(Terj. Baharuddin Ayudin), *Bid'ah: Konsep dan Pengertiannya*, Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) Sdn. Bhd., 1994.

Sarji Kasim, "Emansipasi Wanita Islam dalam Faridah Hanum", dlm. Sohaimi Abdul Aziz et.al, *Syed Syeikh Al-Hadi: Cendekia dan Sasterawan Ulung*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2003.

Shahrom TM Sulaiman, "Jaringan Pengaruh Luar Terhadap Pemikiran dan Sikap Syed Syeikh Al-hadi: Pemerhatian Awal", dlm. *Syed Syeikh Al-Hadi: Cendekia dan Sasterawan Ulung*, Ketua Editor, Sohaimi Abdul Aziz et.al, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2003.

Sharifah Zaleha Syed Hassan, "Kebebasan Wanita Dari Kaca Mata Kaum Muda dan Gerakan Al-arqam", dlm. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, *Sejarah dan Proses Pemantapan Negara-Bangsa*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1998.

Talib Samat, *Syed Syeikh Al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

William R. Roff (Terj. Ahmad Boestamam), *Nasionalisme Melayu*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1975.

Yusuf Al-Qardhawi(Terj. Syed Mohd. Fathil bin Syed Omar), *Hijab Dari Pandangan Ulama*, Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, 1999.

Zainal Abidin Syihab, *Gerakan Wahabi: Tohmahan dan Jawapan*, Sungai Petani: Titian Sejati Enterprise, 1998.

Turkey Women In Development Report, Wasington: World Bank, 1992.

LATIHAN ILMIAH/DESERTASI

Ahmad Fuad Apandi, “Al-Ikhwan 1926-1931: Idea dan Pemikiran”, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1996, Universiti Malaya, hlm. 33.

Jamilah Othman, “Sayyid Shaykh Al-Hadi: His Role in the Transformation of Muslim Societies in Peninsular Malaya and the Straits Settlements During the Latter Half of the Nineteenth and Early Twentieth Centuries”, Desertasi, Universiti Malaya, 1986.

Mahani Musa, “Pakatan Sulit di Negeri-negeri Utara Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu 1821-1930an”, Desertasi, Universiti sains Malaysia, Pulau Pinang, 1991.

Marina Merican, “Sayed Shaikh al-Hadi dan pendapat2-nya mengenai kemajuan kaum perempuan (sebagai tersiar di-dalam majalah *Al-Ikhwan*)”, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1960.

Saidul Amin, "Perdebatan Kaum Tua dan Kaum Muda di Minangkabau Dalam Beberapa Masalah Pemikiran Islam", Desertasi, Universiti Malaya, 2003.

Siti Sobah Sulaiman, "Bidaah dan Khurafat dalam Masyarakat Islam: Satu Kajian di Jeram", Selangor, Desertasi, Universiti Malaya, 2003.

KERTAS KERJA

Kassim Ahmad, "Katakanlah Yang Benar: Peranan dan Tanggungjawab SuratKhabar", Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Tokoh-tokoh Persuratkhabaran Malaysia Dalam Abad Kedua; Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 19-20 Ogos, 2005.

Mohd Noor Bin Deris, "Proses Islah Di Malaysia: Satu Tinjauan Ringkas", Kertas Kerja Dibentangkan Dalam Seminar Pengajian Syariah, Kuala Lumpur, 13-14 Jun 1995.

Mohd. Sarim Haji Mustajab, "Gerakan Islah Islamiah: Kajian Terhadap Tiga Tokoh Pelopornya", dlm. Abdul Latif Abu Bakar et.al., *Melaka Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Institusi Kajian Patriotisme Malaysia dan Penerbitan Universiti Malaya, 1996.

SUMBER ARKIB

Petekan J, Penahanan *Al-Ikhwan* dan *Saudara* ke Kelantan, dlm. Petekan-petekan Tulisan Sheikh al-Hadi dari *Al-Imam* dan *Al-Ikhwan*, Trankripsi dari Jawa-Rumi oleh Syed Alwi 1927-1930/ SP. 60/ E/ 6.

Riwayat hidup Syed Sheikh bin Ahmad bin Hassan Al-Hady oleh Anaknya: Alwi bin Sheikh Al-Hady, SP. 24/1.

Petekan L, Adakah diberi kuasa oleh agama islam kepada siapa-siapa boleh memaksa seseorang menurut iktikadnya, dlm. Petekan-petekan tulisan Sheikh Al-Hadi dari *Al-Imam* dan *Al-Ikhwan* Trankripsi dari Jawa- Rumi Oleh Syed Alwi 1927-1930, SP. 60/E/6.

Petekan R, Berubah memelihara anak-anak perempuan sangat-sangat dikehendaki, dlm. Petekan-petekan Tulisan Sheikh al-Hadi dari *Al-Imam* dan *Al-Ikhwan*, Trinkripsi dari Jawa-Rumi oleh Syed Alwi 1927-1930/ SP. 60/ E/ 6.

Petekan H, Lebai Pondok, dlm. petekan-petekan tulisan Sheikh Al-Hadi dari *Al-Imam* dan *Al-Ikhwan* Trankripsi dari Jawa- Rumi Oleh Syed Alwi 1927-1930, SP. 60/E/6.

Petekan O, Solat Tarawih, dlm. Petekan-petekan tulisan Sheikh Al-Hadi dari *Al-Imam* dan *Al-Ikhwan*, trankripsi dari Jawa-Rumi oleh Syed Alwi 1927-1930, SP. 60/E/6.

MAJALAH/ AKHBAR

Majalah *Al-Ikhwan* 1926-1931.

Akhbar *Al-Hidayah*, December 1924.

RUJUKAN INTERNET

Badrol Hisham Ahmad Noor, "Projek Semasa Penyebaran Ilmu Seberang Lautan: Penyebaran Ilmu dan Agama di antara pelajar-pelajar Malaysia dan Indonesia di dan Pakistan dan Perkembangan ilmu di negara asal mereka", 6 Feb 2004,
<<http://www.zmo.de/Mitarbeiter/Noor/malay/projek.htm>> (15 jan 2006).

Mohammad Redzuan Othman, "Kejatuhan Khalifah Uthmaniyyah dan Kenaikan Kamal Di Turki: Reaksi Yang Ditunjukkan Oleh Orang Melayu", 02 April 2005,
<<http://atefah.blogdrive.com/archive>>, (11 Jan 2004).

Percy Peter, *Turkish Women: Past, Present and the Future*,
<http://www3.estart.com/turkey/women/halide.hml>, (30 Jan 2005).